

KEMENTERIAN
PENERANGAN
KOMUNIKASI
& KEBUDAYAAN



Laporan Tahunan Annual Report **2012**

Perpustakaan Negara Malaysia
National Library of Malaysia



Rasional Kulit Muka

Gegelung anjal melambangkan gerakan pemantapan di dalam institusi di mana pergerakan yang sekata, fleksibiliti dan sentiasa bersedia melaksanakan transformasi perkhidmatan berfokuskan pelanggan dan menjadikan tekad PNM satu realiti.

Gegelung anjal berwarna-warni memberi maksud ianya merangkumi pelbagai adat budaya, agama dan bangsa di mana ianya memberi impak dan fahaman yang sama dalam menjana matlamat budaya membaca yang diterapkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Cover Rational

The flexible coil symbolize the institution movement, flexibility and readiness to transform based on customer focused services and to make NLM determination into reality.

The colourful elastic coil reflects the various cultural customs, religions and races in which they have an impact and generate understanding in the culture of reading goals adopted by the National Library of Malaysia.

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

2	Perutusan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia	31	Perancangan dan Perhubungan Korporat	68	Statistik Perpustakaan Negara Malaysia
4	Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia	35	Prasarana Ilmu dan Maklumat	75	Pameran
6	Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia	38	Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian	76	Lawatan
8	Carta Organisasi Perpustakaan Negara Malaysia	40	Perkhidmatan Malaysiana	79	Kerjasama Perpustakaan
11	Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia	50	Perkhidmatan Maklumat Umum	83	Penerbitan
16	Peristiwa Penting	57	Perkhidmatan Perpustakaan Digital Nasional	84	Penulisan
22	Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia	60	Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis	86	Kelab Perpustakaan Negara Malaysia
27	Pembangunan Sumber Manusia	62	Sistem Pengurusan Kualiti	88	PUSPANITA Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia
		64	Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia	90	Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media
				108	Pencapaian Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama

PERPUSTAKAAN

Cetakan Pertama 2013

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2013

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-3170

1. Libraries, National - - Malaysia. 2. Corporation reports.

I. Judul 027.5595

PERUTUSAN KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahibarakatuh dan Salam 1Malaysia

“Kejayaan bukan sahaja diukur menerusi hasil tetapi juga usaha-usaha yang telah dibuat untuk mencapai keberhasilan itu.” Kata-kata yang diungkapkan oleh Mahatma Ghandi ini menggambarkan komitmen Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dalam melakar kecemerlangan sepanjang tahun 2012 ini.

Justeru, beberapa kejayaan yang signifikan khususnya dalam usaha melahirkan masyarakat membaca telah dicapai antaranya pelantikan negarawan ulung Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Ikon Membaca Kebangsaan. Pelantikan ini adalah inisiatif PNM untuk terus meningkatkan tahap pembacaan rakyat Malaysia yang kini dalam lingkungan 8 - 12 buah buku setahun menerusi pelbagai pendekatan.

Dalam memartabatkan bahasa Melayu, penganjuran Karnival Jawi 2012 yang disempurnakan oleh DTYM Pemangku Raja Perlis dilihat sebagai satu usaha melestarikan tulisan Jawi dan bahasa Melayu sebagai “dua sejalin” yang pernah menjadi alat perhubungan utama dalam wilayah Nusantara suatu ketika dahulu. Selaras dengan itu, bahan pembelajaran Jawi seperti buku, majalah dan bahan elektronik diterbitkan untuk edaran kepada masyarakat di samping promosi menerusi media massa.

PNM turut mengukir nama sebagai tuan rumah *Seminar On Resource Description And Access (RDA) : The Future Standards Of Bibliographic Control dan OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference*. Penganjuran seminar ini berjaya menonjolkan kejayaan institusi perpustakaan di Malaysia dalam menganjurkan persidangan di peringkat antarabangsa sekaligus menyerlahkan keunikan negara di mata dunia.

Di samping itu, saya berasa bangga atas pencapaian PNM dalam mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008. Penglibatan aktif dan komitmen kakitangan dalam Kumpulan KIK menerusi penubuhan 5 kumpulan KIK amat membanggakan saya. Justeru, saya ucapkan syabas atas komitmen semua. Ini kerana komitmen semua peringkat pengurusan dan pelaksana adalah kejayaan sebenar dalam kita melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) secara menyeluruh.

“Kejayaan bukan sahaja diukur menerusi hasil tetapi juga usaha-usaha yang telah dibuat untuk mencapai keberhasilan itu”

Penarafan 5 bintang (5 Star Rating) oleh *Malaysian Government Portals and Web Assessment (MGWPA) 2012* merupakan satu pengiktirafan kepada usaha transformasi PNM dalam mendepani trend pembacaan masyarakat hari ini yang mula beralih kepada bahan-bahan bacaan elektronik. Seajar dengan perkembangan tersebut, PNM telah bersedia untuk bergerak seiring dengan meningkatkan keupayaan dalam memberikan perkhidmatan dan bahan secara elektronik seperti e-books dan pangkalan data menerusi u-Pustaka.

Akhir kata, saya ucapkan tahniah dan terima kasih atas kejayaan serta sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penerbitan laporan tahunan ini.

Selamat membaca.

"Mari Membaca 1Malaysia"

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

DATO' RASLIN ABU BAKAR

KETUA PENGARAH
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



LEMBAGA PENASIHAT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia 2010 / 2013

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan seperti termaktub dalam Akta Perpustakaan Negara Malaysia 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006), Bahagian III, Seksyen 5(1). Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia berperanan memberikan nasihat kepada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia berhubung dengan pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia.

Ahli Lembaga Penasihat yang dilantik oleh YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah seperti berikut:

- YBhg. Dato' Sri Dr. Halim Shafie (Pengerusi)
- YBhg. Tan Sri Ramon V. Navaratnam (Ahli)
- YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Hajah Nik Safiah Haji Abdul Karim (Ahli)
- YBhg. Dato' Ng Tieh Chuan (Ahli)
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (Ahli)
- YM Raja Datin Paduka Fuziah Raja Tun Uda (Ahli)
- Prof. Dr. Juhana Salim (Ahli)
- Encik Azahar Mohd. Noor (Ahli)

Ex-Officio

- YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Tambi
Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
Wakil bagi Kementerian Penerangan Komunikasi
dan Kebudayaan (KPKK)
- YBhg. Dato' Raslin Bin Abu Bakar
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
Selaku Setiausaha Mesyuarat

Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali iaitu pada 5 April 2012 dan 19 November 2012. Antara perkara-perkara penting yang telah dibincangkan pada mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Pembangunan Kandungan Digital Tempatan
- Penubuhan Konsortium Kebangsaan Sumber Elektronik
- Penjana Dana Akaun Amanah PNM
- Peranan PNM Sebagai Agensi Pusat Pembangunan Perpustakaan Dalam Negara
- Peranan Perpustakaan dalam Menjayakan Program Digital Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
- u-Pustaka – Langkah Seterusnya dan Peranan Perpustakaan Negara Malaysia
- Cabaran Dalam Industri Buku : Peranan Perpustakaan Negara Malaysia
- Pembangunan Modal Insan Perpustakaan Negara Malaysia
- Hala Tuju dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM
- Pencapaian Program/Aktiviti Perpustakaan Negara Malaysia
- Laporan Kajian Keperluan Koleksi PNM 2011.

Di samping itu, Lembaga Penasihat PNM juga turut aktif dan banyak menyokong aktiviti/program PNM dengan menyertai majlis-majlis yang dianjurkan oleh PNM.



Kanan: YBhg Dato' Sri Dr Halim Shafie ketika mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM Bil. 1/2012 pada 5 April 2012 di PNM.



PENGURUSAN TERTINGGI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2012

ZAINAL ARIFFIN MUHAMMED
Pegawai
Khidmat Pengurusan dan
Sumber Manusia



NAFISAH AHMAD
Timbalan Ketua Pengarah
(September 2012)

Pengarah
Perkhidmatan Perpustakaan
Digital Nasional
(Januari – Ogos 2012)

DATO' RASLIN ABU BAKAR
Ketua Pengarah

ABDUL RAHMAN SUDIN
Pegarah
Perkhidmatan Maklumat Umum

NORAZWANA YUSOP
Pegarah
Bahagian Teknologi Maklumat

SALBIAH MOHAMMAD YUSOF
Pegarah
Prasarana Ilmu dan Maklumat


FADHILAH AINI MD YUSOF
Pegarah
Pembangunan Sumber Manusia



KAMARUDIN MAT NATA
Pegarah
Perancangan dan
Perhubungan Korporat

MUHAMMAD HARON
Pegarah
Perpustakaan Negara Malaysia Perlis

MAIZAN ISMAIL
Pegarah
Permbinaan Koleksi Negara
dan Pendokumentasian



CARTA ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2012





PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2012

Pengurusan Dan Perancangan Strategik Jabatan

Dalam meletakkan hala tuju PNM pada satu landasan yang tepat seiring dengan visi dan misi Jabatan, PNM sentiasa memantau dan mengkaji semula Pelan Strategik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) 2009-2013 serta turut merangka dan menilai KRA dan KPI Jabatan bagi setiap tahun. Pelan Strategik PNM yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 16 objektif dan 63 strategi telah ditambahbaik pada Pemukimanan Pelan Strategik PNM 2009-2013 yang diadakan di Genting Highlands, Pahang. Pada tahun 2012 Jabatan telah menetapkan sebanyak 10 KPI untuk dicapai yang turut merangkumi dua (2) KPI yang menyumbang kepada pencapaian KPI TKSU(K), KPKK. Pencapaian KPI PNM untuk tahun 2012 adalah *On Target*.

Sistem Pengurusan Kualiti

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) terus mantap sepanjang tahun 2012 dan PNM telah mendapat beberapa anugerah hasil daripada komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh warganya dalam pengurusan kualiti :

Pengurusan Portal Jabatan (www.pnm.gov.my)

PNM telah dianugerahkan dengan penarafan 5 Bintang (5 star rating) bagi pengurusan Portal Jabatan di dalam *Malaysia Government Portals and Web Assessment (MGPWA) 2012*.

Pertandingan Kibar Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 Tahun 2012.

PNM telah menerima hadiah Saguhati sebanyak RM500 serta Sijil Penghargaan bagi Kategori Hiasan Bangunan Kerjajaan (Termasuk Sekolah) daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

MS ISO 9001:2008

PNM sekali lagi berjaya mengekalkan Pensijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2012 setelah melepasi tapisan Audit Pemantauan SIRIM QAS International. Hasil daripada pematuhan Objektif Kualiti MS ISO 9001:2008 telah menyaksikan pencapaian hasil memberansangkan dalam aspek piagam pelanggan di mana PNM berjaya mencapai 95% kepuasan pelanggan.

Penerapan Budaya Kreativiti dan Inovasi (KIK)

Dalam menggalakkan budaya kreativiti dan inovatif di kalangan warga kerja, 5 kumpulan KIK telah berjaya ditubuhkan pada tahun 2012. Satu daripada kumpulan ini telah terpilih mewakili jabatan menyertai pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreativiti 2012 sempena Sambutan Minggu Kualiti Peringkat KPKK pada 31 Oktober 2012.

Pengurusan Kewangan

Bagi tempoh sehingga 31 Disember 2012, PNM telah berjaya mengurus perbelanjaan sebanyak RM 86,186,585.44 (97.76%) daripada RM 88,160,715.39 belanja mengurus tahunan seperti di bawah:

JENIS PERUNTUKAN	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUSAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2012 (%)
Dasar Sedia Ada	51,755,100.00	50,562,861.65	97.70 %
Dasar Baru	33,900,185.00	33,371,313.40	98.44%
One Off	2,505,430.39	2,252,410.39	89.90%
JUMLAH KESELURUHAN	88,160,715.39	86,186,585.44	97.76 %

Dasar Jabatan

Tiga (3) Dasar Jabatan telah digubal iaitu Dasar Penerbitan Perpustakaan, Dasar Koleksi Khas dan Dasar Pelupusan Sumber Perpustakaan bagi memantapkan lagi peranan PNM sebagai peneraju pembangunan perpustakaan di Malaysia.

Penyelidikan Dan Pembangunan Perpustakaan (R&D)

Penyelidikan dan Pembangunan berterusan dalam bidang perpustakaan dan kepustakawanan adalah satu tonggak terpenting dalam usaha mengukuhkan profesion pustakawan di Malaysia. Kejayaan R&D adalah kritikal bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan membolehkan PNM meneliti dan merencana hala tuju berdasarkan kekuatan dan peluang yang dimiliki hasil daripada kajian-kajian yang telah dijalankan. Pada tahun 2012, sebanyak lima (5) kajian telah berjaya dilaksanakan iaitu Kajian Tinjauan Awal Faktor Kekurangan Pengunjung Dewasa di Perpustakaan Desa, Kajian Keperluan Maklumat Pengguna PNM, Kajian Status Perkhidmatan Perpustakaan kepada OKU di Malaysia, Kajian Kepuasan Pekerja di PNM dan Kajian Status Kekukuhan Koleksi Perpustakaan di Malaysia.

Pembangunan perpustakaan di Malaysia turut diperluaskan menerusi penambahan bilangan Perpustakaan Desa (PD) dari 1,089 buah kepada 1,096 buah dengan penambahan tujuh (7) buah pada tahun 2012 atas sumbangan YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Haji Mohamad Hanadzlah, Ahli Parlimen Tambun.

JENIS PERPUSTAKAAN DESA	TAHUN 2011	TAHUN 2012
Perpustakaan Desa PNM	475	482
Perpustakaan Desa PAN*	614	614
JUMLAH KESELURUHAN	1,089	1,096

*PAN - Perpustakaan Awam Negeri

Jaringan Pakatan Strategik Di Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa

Pada tahun 2012 memperlihatkan bahawa profesion kepustakawanan telah dapat diperkukuhkan melalui jaringan pakatan strategik sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Antara persidangan/bengkel yang telah disertai ialah *Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL)*, *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)*, *Mesyuarat ASEAN COCI Sub Committee on Culture* serta *2012 China-ASEAN Cultural Forum & the 7&th 10 +3 Workshop on Cooperation for Cultural Human Resource Development*. PNM juga telah berjaya menganjurkan dua (2) seminar antarabangsa iaitu *Seminar On Resource Description And*

Access (RDA) : The Future Standards Of Bibliographic Control yang telah diadakan pada 27 hingga 29 Mac 2012 dan *OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference* pada 3 hingga 4 September 2012.

Sepanjang tahun 2012 juga PNM telah menerima sebanyak 18 lawatan dengan jumlah 414 pelawat dari luar negara yang terdiri dari Negara China, Korea, Iran, Indonesia, Hong Kong, Amerika Syarikat, Bangladesh, Kazakhstan, Singapura, Taiwan, Filipina, Iraq, UK dan New Zealand. Bagi lawatan dalam negara, PNM menerima 95 lawatan dengan jumlah 4,288 pelawat yang bertujuan untuk menimba pengalaman dan kepakaran serta mengadakan penandaarasan berkaitan perkhidmatan perpustakaan.

JENIS LAWATAN	BILANGAN LAWATAN	BILANGAN PELAWAT
Lawatan Dalam Negeri	95	4,288
Lawatan Luar Negara	18	414
JUMLAH KESELURUHAN	113	4,702

Program Galakan Membaca

PNM selaku urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan telah melaksanakan pelbagai program/aktiviti galakan membaca dalam memastikan hasrat membudaya amalan membaca dikalangan masyarakat Malaysia dapat ditingkatkan. Semua program/aktiviti anjuran PNM yang telah dijalankan ini turut menyokong konsep Gagasan 1Malaysia yang menjadi asas perpaduan rakyat yang menjadi salah satu agenda penting negara. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 7,017 program/aktiviti galakan membaca telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 270,583 peserta



Anugerah Cemerlang yang diterima oleh PNM

yang terdiri daripada golongan warga emas, dewasa, remaja dan kanak-kanak diseluruh negara. Majlis Pelantikan YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Ikon Membaca Kebangsaan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah diadakan pada 14 Mei 2012 dengan penuh gemilang. Pemilihan YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad dilihat tepat kerana beliau merupakan seorang tokoh yang dikenali dengan sifatnya yang amat mencintai buku serta gemar membaca.

Program Pembudayaan Tulisan Jawi

PNM juga memainkan peranan dalam usaha meningkatkan tahap penghayatan pembudayaan Tulisan Jawi di kalangan masyarakat melalui program Semarak Jawi. Sepanjang tahun 2012 sebanyak 12 aktiviti dengan penyertaan seramai 45,195 pengunjung telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia serta agensi seperti JAKIM, IKIM, DBP dan Perpustakaan Awam Negeri. Antara program berskala besar yang berjaya dilaksanakan ialah Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 yang telah diadakan pada 18 – 20 Oktober 2012.

Peranan PNM Dalam Menyokong Agenda Transformasi Negara

Dalam usaha menyokong Agenda Transformasi Negara untuk menyediakan masyarakat berilmu, PNM tidak ketinggalan dalam menyediakan perkhidmatan sumber digital menerusi Portal PNM@Digital (www.pnmdigital.gov.my) yang dapat diakses pada setiap masa dari dalam dan luar premis PNM. Portal ini mengandungi pelbagai sumber elektronik (e-book, e-majalah,

e-buku, dsb) yang terdapat di PNM serta menyediakan pautan kepada sumber-sumber elektronik yang terdapat didalam dan luar negara menerusi pangkalan data yang dilanggan. Semenjak portal tersebut dilancarkan pada Mei 2012, sebanyak 4,925 pengguna telah berdaftar sebagai ahli atas talian manakala 64,345 pelawat telah melayarinya.

Berikut adalah statistik keahlian PNM, pengunjung, pinjaman bahan, pengguna perkhidmatan serta perolehan koleksi PNM bagi tahun 2012:



Penceramah sedang mengendalikan Bengkel Klinik Jawi pada 10 Julai 2012 di PNM.

PARAMETER	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012	KUMULATIF SEHINGGA DIS 2012
KEAHLIAN BERDAFTAR	56,676	78,272	62,038	1,062,316
Kanak-Kanak	9,068	6,076	6,253	161,754
Dewasa	47,608	72,196	55,785	957,105
PENGUNJUNG	464,317	416,672	420,171	-
Kanak-Kanak	121,899	84,917	72,120	-
Dewasa	342,418	331,755	348,051	-
PINJAMAN BAHAN	776,347	1,034,517	1,203,467	-
Kanak-Kanak	375,866	548,674	711,936	-
Dewasa	400,481	485,833	492,222	-
PENGGUNA PERKHIDMATAN	303,355	292,667	314,006	-
Perkhidmatan Maklumat Malaysiana	99,124	119,757	133,966	-
Perkhidmatan Maklumat Umum	47,235	59,216	51,651	-
Perkhidmatan Digital / Zon Siber*	132,135	109,066	74,087	-
Perkhidmatan Manuskrip Melayu	205	283	229	-
Perkhidmatan Pakar Maklumat	24,656	4,345	2,472	-
Perkhidmatan Wi-Fi	23,477	30,429	51,601	-
PEROLEHAN KOLEKSI	272,857	298,908	302,869	-
Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986	179,884	192,7333	201,763	-
Pembelian	89,617	100,804	98,489	-
Hadiah / pertukaran	3,367	3,371	2,617	-

Nota: *Mulai Tahun 2012, Statistik Perkhidmatan Zon Siber dirangkumkan dalam Perkhidmatan Digital

Pembangunan Modal Insan

Seramai 452 (98%) orang pegawai dan kakitangan PNM telah menghadiri kursus/seminar/bengkel dan ceramah sepanjang tahun 2012. Manakala seramai 35 orang pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) telah menjalani latihan praktikal dan penempatan di PNM. Sebanyak 70 kursus/seminar/bengkel dan ceramah yang terdiri daripada 27 kursus generik, 37 kursus fungsional dan enam (6) ceramah, telah dilaksanakan oleh PNM sepanjang tahun 2012.

Penerbitan PNM

PNM telah menerbitkan lima (5) judul terbitan dalam bentuk bercetak iaitu Dasar dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi PNM, Laporan Tahunan PNM 2011, Laporan Program Galakkan Membaca 2011, Perangkaan

Perpustakaan di Malaysia 2011 dan Sekitar Perpustakaan. Selain itu, PNM juga telah menghasilkan dua (2) penerbitan atas talian iaitu Pustaka : Buletin PNM dengan dua (2) edisi keluaran dan Sari Pustaka sebanyak tiga (3) edisi keluaran.



YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM ketika merasmikan Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 pada 18 Oktober 2012 di Terengganu.



PERISTIWA PENTING



31 Januari 2012

Peserta Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing membuat persembahan khas semasa majlis penutup kursus di PNM.

1 hingga 6 Februari 2012

Pegawai PNM sedang mengendalikan aktiviti sempena penganjuran *International Book Conference and Book Expo 1Malaysia 2012* di PWTC, Kuala Lumpur.



8 Mac 2012

Majlis Perasmian Sudut Malaysia sempena syarahan umum YB Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan di Universitas Indonesia yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri KPKK.



25 Mac 2012

YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan menandatangani plak sebagai simbolik bagi Majlis Pelancaran Program Mari Membaca 1Malaysia : Ore Malaysia Vaasikka Vaarunggal di Auditorium PNM.

27 hingga 29 Mac 2012

Dr. Barbara Tillet, *Head of Documentation Policy and Standard, Library of Congress, United States of America* ketika menyampaikan syarahan sempena *Seminar on Resource Description and Access (RDA) : The Future Standards of Bibliographic Control* di PNM.



30 Mac 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM bersama warga PNM bagi Perutusan Tahun Baru dan Perhimpunan Bulanan PNM di Auditorium PNM.

30 April 2012

Program Mari Membaca 1Malaysia: Baca@ Sayong sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2012 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid, Exco Kerajaan Negeri Perak di Auditorium KISDAR, Kuala Kangsar, Perak.



14 Mei 2012

Majlis Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan kepada YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Penyemarakkan Kempen Nilai-Nilai Murni yang disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di PNM.

4 Jun 2012

YB Senator Datuk Dennis Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK telah menyempurnakan Program Mari Membaca 1Malaysia: Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan Siri 1/2012 dan Majlis Pelancaran Bank Buku di Stesen Sentral Johor Bahru.





5 Julai 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM sedang mencuba permainan catur dengan menutup mata sempena Lawatan Kerja Pengurusan PNM ke Perpustakaan H. T. Ong, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields, Kuala Lumpur.

7 Ogos 2012

Program Kembara Semarak Ramadan 2012 yang telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di PNM.



3 hingga 4 September 2012

Peserta bergambar beramai-ramai sempena the 4th Annual OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference 2012 di PNM.

1 Oktober 2012

YB Dato' Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri KPKK telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Dana Karya Penulis Tempatan 2012 di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.



18 Oktober 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM melawat pameran selepas Majlis Perasmian Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 di Pusat Dagangan Terengganu, Kuala Terengganu.



8 November 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM bergambar bersama pemenang (Johan) bagi Pertandingan Pementasan Teater Muzikal : Ceritera Rakyat Peringkat Kebangsaan di PNM.



23 Disember 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM ketika menyempurnakan acara simbolik sempena Majlis Perasmian Festival Kanak-Kanak 2012 : Kami Pembaca Setia@PNM di PNM.



10 Disember 2012

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM telah menyempurnakan program A Forum on Reading Literacy : An Objective Approach for Reading Measurement and Success di PNM.





KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Pendahuluan

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah dan Ketua-Ketua Bahagian.

Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan enam (6) sub-aktiviti berikut:

Aktiviti Pengurusan

- Aktiviti Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat

Aktiviti Pembangunan Perpustakaan

- Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian

Aktiviti Perkhidmatan Maklumat

- Perkhidmatan Maklumat Malaysiana
- Perkhidmatan Maklumat Umum

Di samping itu, terdapat 22 Bahagian (Sub-aktiviti). Setiap aktiviti diketuai oleh Pengarah dan Bahagian pula diketuai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah atau Penolong Pengarah.

Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif, visi dan misi Perpustakaan Negara Malaysia.

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia terdiri daripada lima (5) unit yang menjalankan lima (5) fungsi berikut, Khidmat Pengurusan, Pengurusan Sumber Manusia, Perancangan Sumber Manusia, Kewangan dan Perolehan.

Khidmat Pengurusan

Fungsi utama Unit Khidmat Pengurusan adalah urusan pentadbiran Jabatan yang bertanggungjawab Merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di Jabatan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan milik Jabatan, menguruskan kenderaan Jabatan, mengurus fail dan rekod Jabatan, mengurus harta dan aset Jabatan, menguruskan pelulusan dan hapuskira serta menguruskan stor Jabatan.

Penyenggaraan Bangunan

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat Putek Niaga Sdn Bhd dari bulan Januari 2012 hingga bulan Mac 2012. Penyenggaraan ini kemudiannya dijalankan oleh ZKA Engineering Sdn Bhd dari bulan April 2012 hingga bulan Jun 2012. Mulai 1 Julai 2012 hingga 30 Jun 2014, penyenggaraan bangunan ini kemudiannya diambil alih oleh syarikat Iras Tulin Sdn Bhd. Kerja-kerja penyenggaraan bangunan meliputi semua kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik.

Sepanjang tahun 2012, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, pengindahan kawasan dan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat tiga (3) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Mencegah Kebakaran
- Jawatankuasa Pelan Kontingensi
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas

Pengurusan Sumber Manusia

Pada tahun 2012, PNM diluluskan sebanyak 482 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 2 jawatan
- Kumpulan Pengurusan & Profesional : 142 jawatan
- Kumpulan Sokongan : 340 jawatan
- JUMLAH : 484 JAWATAN**

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) skim Perkhidmatan seperti berikut:

- Pustakawan : 132 jawatan
- Penolong Pegawai Perpustakaan : 44 jawatan
- Pembantu Perpustakaan : 138 jawatan
- Pembantu Am Pejabat; dan : 58 jawatan
- Pemandu Kenderaan : 11 jawatan

Manakala Skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari JPA, Akauntan Negara, JKR, Audit Negara, Perangkaan, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran Malaysia.

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengurus semua perkara yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan seperti pengambilan, pelantikan, pengesahan perkhidmatan, penempatan, pertukaran, kenaikan pangkat, tata tertib, pengurusan HRMIS, emolumen, urusan persaraan dan sebagainya.

PNM juga bertanggungjawab mengurus urusan pelantikan dan pengisian jawatan Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan di agensi-agensi yang menggunakan jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia. Kedudukan perjawatan Gunasama Perpustakaan di PNM dan kader PNM sehingga Disember 2012 adalah seperti di muka surat 23:

Selaku Ketua Perkhidmatan bagi ketiga-tiga skim perkhidmatan ini, PNM juga bertanggungjawab dalam urusan pertukaran, penempatan dan kenaikan pangkat anggota-anggotanya yang ditempatkan mengisi jawatan kader di agensi-agensi.

Perancangan Sumber Manusia

Unit ini bertanggungjawab untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan urusan Perancangan Sumber Manusia seperti berikut:

- **Perancangan keperluan tenaga manusia secara optima untuk Jabatan melalui proses Penstrukturan semula Perjawatan PNM**

Melalui proses ini, Unit Perancangan Sumber Manusia selaku urusetia akan merancang dan menguruskan mesyuarat serta perbincangan di kalangan Pengurusan Tertinggi PNM bagi mendapatkan idea dan cadangan keperluan jawatan yang boleh memantapkan organisasi PNM.

- **Pembangunan Sumber Manusia**

Kerajaan sentiasa menghargai perkhidmatan yang telah diberikan oleh semua penjawat awam. Oleh yang demikian, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diwujudkan bagi memberi penghargaan pada penjawat awam yang berkeelayakan dan bersesuaian mengikut syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, Unit ini selaku urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM akan menguruskan mesyuarat tersebut di setiap awal tahun bagi proses pemilihan calon Anugerah Khidmat Cemerlang PNM. Selain itu juga, Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM juga akan memberikan cadangan kursus yang bersesuaian kepada kakitangan yang tidak mencapai produktiviti yang sewajarnya.



Staf PNM yang menghadiri Ceramah Pengukuhan Integriti bagi kakitangan awam pada 13 Mac 2012 di PNM.

SENARAI PERJAWATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA & CAWANGAN PERLIS
SEHINGGA DISEMBER 2012

JAWATAN	PNM			PERLIS			BIL JWT	BIL ISI	BIL. KSG
	JWT	ISI	KSG	JWT	ISI	KSG			
PENGURUSAN TERTINGGI									
Ketua Pengarah, Pustakawan Gred Utama B	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Timb. Ketua Pengarah, Pustakawan Gred Utama C	1	1	0	-	-	-	1	1	0
JUMLAH PENGURUSAN TERTINGGI	2	2	0				2	2	0
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL									
Pustakawan Gred S54	6	4	2				6	4	2
Pustakawan Gred S52	2	2	0				2	2	0
Pustakawan Gred S48	18	18	0				18	18	0
Pustakawan Gred S44	9	9	0				9	9	0
Pustakawan Gred S41	95	92	3	1	1	0	96	93	3
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	3	3	0	-	-	-	3	3	0
Akauntan Gred W41	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Pegawai Penerangan S41	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Pegawai Teknologi Maklumat F48	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Pegawai Teknologi Maklumat F44	1	1	0	-	-	-	1	1	0
Pegawai Teknologi Maklumat F41	3	3	0	-	-	-	3	3	0
JUMLAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	141	136	5	1	1	0	142	137	5
SOKONGAN I									
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S38	1	1	0				1	1	0
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S32	12	12	0	2	2	0	14	14	0
Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27	31	31	0	5	5	0	36	36	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32	1	1	0				1	1	0
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	4	4	0	1	1	0	5	5	0
Penolong Akauntan Gred W27	1	1	0				1	1	0
Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	2	2	0				2	2	0
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	2	2	0	1	1	0	3	3	0
Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32	1	0	1				1	0	1
Pembantu Perpustakaan Gred S22	24	23	1	2	2	0	26	25	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	2	2	0				2	2	0
Setiausaha Pejabat Gred N17/N22/N27/N32	2	2	0				2	2	0
Pembantu Akauntan Gred W22	1	1	0				1	1	0
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17/N22	17	16	1	2	2	0	19	18	1
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17/N22/N27/N32	7	6	1				7	6	1
Pembantu Tadbir (Kew) Gred W17/W22	7	7	0				7	7	0
Pembantu Akauntan Gred W17/W22	4	4	0	1	1	0	5	5	0
Juruteknik Gred J22	3	2	1				3	2	1
Pembantu Perpustakaan Gred S17/S22	114	110	4	8	8	0	122	118	4
Juruteknik Komputer FT17	3	3	0				3	3	0
Ahli Fotografi B17	2	2	0				2	2	0
Pereka B17	1	1	0				1	1	0
Pembantu Pemuliharaan Gred S17	22	21	1				22	21	1
Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17	3	3	0				3	3	0
JUMLAH SOKONGAN I	267	257	10	22	22	0	289	279	10
SOKONGAN II									
Ahli Fotografi Gred B11	1	1	0				1	1	0
Pembantu Tadbir Rendah Gred N11/N14				1	1	0	1	1	0
Pembantu Am Pejabat Gred N4	7	7	0				7	7	0
Pembantu Am Pejabat Gred N1	51	49	2	4	4	0	55	53	2
Pemandu Gred R3	11	10	1	2	2	0	13	12	1
Pekerja Rendah Awam Gred R1	2	1	1				2	1	1
JUMLAH SOKONGAN II	72	68	4	7	7	0	79	75	4
JUMLAH KESELURUHAN	482	463	19	30	30	0	512	493	19

iii) Perjawatan

- **Perpustakaan Desa PNM di Seluruh Negara**

Selaras dengan menggalakkan masyarakat yang berilmu dan memberikan perkhidmatan ilmu sepanjang hayat di mana jua, sebanyak 475 Perpustakaan Desa (PD) di bawah pengurusan PNM yang diwujudkan melalui projek khas yang diluluskan oleh kerajaan pada tahun 2005, 2006, dan 2007. Sebagai pusat sosial yang memanfaatkan masyarakat setempat di kawasan luar bandar, pelbagai koleksi dan jenis bahan bacaan, alat kelengkapan komputer bagi mengikut keperluan dan teknologi semasa dan ruang serta perabot yang bersesuaian untuk kegunaan masyarakat setempat disediakan. Malah, selaras dengan penubuhan PD tersebut juga, peluang pekerjaan juga dapat diperolehi oleh rakyat iaitu dengan penstrukturan perjawatan yang telah diluluskan dan dilaksanakan iaitu secara *Contract of Service* selama setahun bagi mengendalikan PD di seluruh negara. Skim perjawatan yang telah diluluskan melibatkan tiga (3) skim iaitu :

- 141 jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 yang bertugas untuk menyelia mengikut zon yang telah ditetapkan
- 475 jawatan Pembantu Perpustakaan Gred S17
- 475 jawatan Pembantu Am Pejabat Gred N1

Sehubungan itu, Unit Perancangan dan Sumber Manusia bertanggungjawab memastikan perjawatan di PD sentiasa dipenuhi agar perkhidmatan yang berterusan dapat diberikan kepada rakyat.

Aktiviti-aktiviti

Aktiviti penting telah dijalankan iaitu:

- Perhimpunan Bulanan dan Perutusan Tahun Baru
Pada tahun 2012, Jabatan telah mengadakan dua (2) kali perhimpunan bulanan pada 30 Mac dan 16 Julai 2012. Tujuan perhimpunan ini diadakan untuk membolehkan anggota Jabatan ini mendengar amanat dan ucapan yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan Persekutuan dan Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2012, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM88,860,715.39 untuk belanja mengurus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM88,075,079.72 dengan peratus perbelanjaan 99%. Peruntukan ini diagihkan kepada Bahagian-bahagian dan Pengarah Aktiviti dan Ketua Bahagian bertanggungjawab bagi mengurus peruntukan tersebut dengan dikawal selia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal.

Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu (1) Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.



Staf PNM yang menghadiri Mesyuarat Pembukaan Audit Pematuhan oleh SIRIM QAS International pada 26 April 2012 di PNM.



Staf PNM yang menderma darah sempena Ceramah Penjagaan Kesihatan yang Unggul bagi Penjawat Awam pada 12 Oktober 2012 di PNM.

Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012 Perpustakaan Negara Malaysia

- | | | |
|---|---|--|
| 1. Mohd Din bin Ahmad
Pustakawan S52 | 15. Toon Hoon Chin
Penolong Pegawai
Perpustakaan S32 | 27. Dahlan bin Ismail
Pembantu Perpustakaan S17/
S22 |
| 2. Mohd Azri bin Ramli
Pustakawan S48 | 16. Norlida binti Shuib
Penolong Pegawai
Perpustakaan S32 | 28. Farrah Diba binti Mohd Ishak
Pembantu Perpustakaan
S17/S22 |
| 3. Katrun Nada binti Haji Hashim
Pustakawan S48 | 17. Norazlan bin Norden
Penolong Pegawai Teknologi
Maklumat F29 | 29. Mohammad Idarus bin Maili
Pembantu Perpustakaan S17/
S22 |
| 4. Anisatul-Wahidah binti Abdul
Wahid
Pustakawan S44 | 18. Abdul Rahman bin Abdul
Rahim
Penolong Pegawai
Perpustakaan S27/S32 | 30. Nor Farahiney binti Mohamad
Paisal
Pembantu perpustakaan S17/
S22 |
| 5. Ramzy bin Md Taha
Pustakawan S44 | 19. Maulidiah binti Abd Rahman
Penolong Pegawai
Perpustakaan S27/S32 | 31. Mohd Ariff bin Ibrahim
Pembantu Pemuliharaan
S17/S22 |
| 6. Shazlin Azni binti Shahrudin
Shah
Pustakawan S41 | 20. Haizatul Afni binti Bakhtiar
Penolong Pegawai
Perpustakaan S27/S32 | 32. Nooraini binti Abdullah
Pembantu Tadbir Rendah
(P/O) N11/N14 |
| 7. Tamimi bin Taib
Pustakawan S41 | 21. Nor Khayati binti Basir
Pembantu Perpustakaan S22 | 33. Embokmah binti Lajis
Pembantu Am Pejabat N4 |
| 8. Zaiton binti Hassan
Pustakawan S41 | 22. Sam bin Sani
Juruteknik J22 | 34. Nor Haniz @ Nor Haniza binti
Othman
Pembantu Am Pejabat N4 |
| 9. Azfaradila binti Zainal Abidin
Pustakawan S41 | 23. Thalathiah binti Awang
Pembantu Perpustakaan S22 | 35. Faridah binti Hashim
Pembantu Am Pejabat N1/N4 |
| 10. Muhammad Redzuan bin
Ramli
Pustakawan S41 | 24. Musa bin Ibrahim
Administrative Assistant (P/O)
N22 | 36. Mohd Shokry bin Abd
Rahman
Pembantu Am Pejabat N1/N4 |
| 11. Mahazatfetri bin Mahmud
Pustakawan S41 | 25. Aslina a/p Idan
Pembantu Perpustakaan
S17/S22 | 37. Shanti a/p Panjasaram
Pembantu Am Pejabat N1/N4 |
| 12. Sahril bin Lariwoo
Pustakawan S41 | 26. Becandra Kor a/p Lakhveer
Singh
Pembantu Perpustakaan
S17/S22 | |
| 13. Ezdiani binti Khazali
Pegawai Teknologi Maklumat
F41 | | |
| 14. Noridah binti Mohd Noor
Setiausaha Pejabat N36 | | |

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Pendahuluan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah merancang sebanyak 53 Kursus, empat (4) program ceramah, enam (6) peperiksaan dan juga menguruskan kursus bagi lima (5) zon perpustakaan desa seluruh negara dengan peruntukan belanja mengurus di bawah PK 29000 sebanyak RM 614,000.00 bagi melaksanakan semua program Pembangunan Sumber Manusia yang telah dirancang dan juga menghantar staf ke kursus/ bengkel/seminar/persidangan yang dianjurkan oleh jabatan lain atau agensi swasta yang menawarkan kursus yang berkaitan dan mengikut keperluan semasa jabatan.

PNM juga bertanggungjawab menguruskan peperiksaan kepada semua kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia dan Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan yang baru berkhidmat antara 1 – 3 tahun bagi tujuan pengesahan jawatan yang terdiri dari Pembantu Perpustakaan, Gred 17 dan Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred 27.


Bermula tahun 2012, Kursus Induksi Umum bagi lantikan baru telah diambil alih oleh Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Pelaksanaan Latihan

Program Pembangunan Sumber Manusia

Program Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) telah membelanjakan sebanyak RM388,221.50 bagi program pembangunan sumber manusia anjuran Jabatan perpustakaan Negara Malaysia. Berikut adalah PPSM yang disediakan adalah mengikut bidang kompetensi dan telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2012 iaitu:

BIDANG KOMPETENSI	P & P	SOK I & II	JUMLAH PESERTA
Pemikiran Strategik dan Orientasi Pengguna	36	307	343
Persuasif & Pembelajaran Pengguna	128	100	228
Pengurusan & Kepimpinan	705	754	1,459
Pencarian Maklumat Dan Pengurusan Ilmu	59	55	114
Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	83	210	294
Bahasa Dan Komunikasi	45	216	261
Pengurusan Kewangan Dan Aset	147	264	411
JUMLAH	1,203	1,906	3,110



Bilangan peserta yang berkursus Mengikut bidang kompetensi dan bagi P&P dan Kumpulan Sokongan I & II.


Kursus Anjuran Kementerian / Jabatan Lain Agensi Swasta / Badan Berkanun

Peruntukan sebanyak RM70,000.00 telah diperuntukkan bagi membiayai kursus-kursus yang dianjurkan oleh lain-lain jabatan / agensi swasta / badan berkanun.

Selain daripada kursus berbayar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia juga menguruskan penyertaan kakitangan PNM ke kursus/ seminar / persidangan yang dianjurkan secara percuma anjuran kementerian/ jabatan luar bagi menambahkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran kakitangan PNM. Seramai 337 orang kakitangan PNM telah menghadiri pelbagai kursus yang dianjurkan oleh kementerian / jabatan / agensi swasta yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional seramai 207 orang, kumpulan sokongan 1,114 orang dan kumpulan sokongan 2 adalah seramai 16 orang.

61% pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional telah menghadiri kursus anjuran luar jabatan, manakala 34 % terdiri daripada kumpulan sokongan I dan 5% dari Kumpulan Sokongan II.

Peserta Yang Menghadiri Kursus Luar Jabatan Mengikut Kumpulan



Peperiksaan

Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) iaitu:

- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Pembantu Perpustakaan Gred S17
- Peperiksaan Perkhidmatan (Subjek Jabatan) bagi Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27
- Ujian Kederasan Menaip (18p.s.m) bagi Pembantu Tadbir Perkeranian / Operasi Gred N17 Bil.1/2012
- Ujian Kederasan Menaip bagi Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11 (Hadiah Kenaikan) Bil.1/2012

Kursus Induksi

Kursus Induksi Khusus Sistem Saraan Malaysia (SSM) Modul Khusus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan Bil.1/2012 telah diadakan pada 17 – 20 Julai 2012 dan dihadiri seramai 51 orang peserta.

Seminar / kursus di luar negara

PNM telah menguruskan sebanyak enam (6) kursus/ persidangan/seminar luar negara telah dihadiri oleh 13 orang pegawai PNM dengan perbelanjaan sebanyak RM 95,536.39 dengan peruntukan awal yang diperolehi oleh PNM dari Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) adalah RM100,000.00. Antara Seminar yang dihadiri adalah *National Seminar On Libraries: Past, Present And Future*, Yogyakarta, Indonesia, Pemantauan Koleksi Sumber Malaysia di Victoria University of Wellington dan Pengesanan bahan Malaysiana, menghadiri *20th Conference of Directors of national Libraries in Asia dan Oceania (CDNL-AO) Meeting, 3rd Meeting of The CONSAL Executive Board and The 15th General Conference of CONSAL*, Bali Indonesia, *2012 China-ASEAN Cultural Forum and the 7th 10+3 Workshop on Cooperation For Cultural Human Resource Development*, Guangxi and Zhejiang, China.

Latihan Praktikal

Pada tahun 2012, PNM telah menerima 35 orang pelajar untuk menjalani latihan praktikal dan penempatan di Perpustakaan Negara Malaysia. Pelajar-pelajar telah ditempatkan di 22 bahagian di PNM. Antara Institusi yang telah menghantar pelajar-pelajar mereka untuk mengikuti latihan praktikal adalah daripada Politeknik Ungku Omar, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Teknikal Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Politeknik Sultan Idris Shah.

Hadiah Lanjutan Pelajaran (HLP)

Pada tahun 2012, PNM telah menerima permohonan bagi mengikuti kursus peringkat PhD dan sarjana sesi 2012/2013 daripada pustakawan dari Perpustakaan Negara Malaysia dan Perkhidmatan Gunasama (Gred S41) yang berminat. Sebanyak empat (4) orang calon telah memohon untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah Sarjana dan dua (2) orang ke peringkat PhD. Walau bagaimanapun hanya satu (1) permohonan telah ditawarkan melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana iaitu Puan Normah Mohamad Idzhar, dari Kementerian Luar Negeri bagi sesi 2013-2016.

Kursus Bagi Perpustakaan Desa PNM


Sebanyak sembilan (9) kursus/bengkel telah dilaksanakan kepada kakitangan Perpustakaan Desa PNM, petugas Perpustakaan Desa Perpustakaan Awam Negeri (PAN) dan kakitangan Perpustakaan Awam Negeri. Kursus ini telah dibahagikan kepada lima Zon iaitu Zon Sarawak, Zon Sabah, Zon Timur (Kelantan, Pahang, Terengganu) Zon Utara (Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang) dan Zon Tengah (Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor). Seramai 481 orang peserta yang terdiri daripada pembantu perpustakaan, perpustakaan desa seluruh negara.

Pencapaian Latihan Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia

BIL	GRED/ KUMP	BIL ANGGOTA	KURSUS PENDEK						BIL ANGGOTA YANG HADIR KURSUS PJG >3 BLN	%
			Hadir > 7 Hari	%	Hadir < 7 Hari	%	Tidak Berkursus	%		
1.	JUSA	2	2	100	0	0	0	0	0	0
2.	P&P (41-54)	135	135	100	0	0	0	0	0	0
3.	SOK I (17-40)	256	255	99	1	0.4	0	0	0	0
4.	SOK II (1-16)	68	60	88	6	9	2	3	0	0
JUMLAH		462	452	98	7	2	2	0.4	0	0


Jumlah Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia Berkursus Bagi Tahun 2012.

Kakitangan PNM yang Berkursus 2012



Berdasarkan dapatan analisis bagi Januari hingga Oktober 2012, di dapati bahawa seramai 399 orang (87%) telah menghadiri kursus melebihi 7 hari setahun dan seramai 43 orang (3%) yang berkursus kurang dari 7 hari setahun. Di dapati seramai 19 (4%) yang belum menghadiri mana kursus yang dianjurkan.

Bilangan Kehadiran Kakitangan PNM Bagi Program Pembangunan Sumber Manusia 2012



Graf di atas menunjukkan bilangan kehadiran kakitangan PNM ke Program Pembangunan Sumber Manusia, Januari – Oktober 2012 mengikut kumpulan / Gred jawatan.

PERANCANGAN DAN PERHUBUNGAN KORPORAT

Pendahuluan

Aktiviti Perancangan dan Perhubungan Korporat mengandungi tiga (3) bahagian iaitu Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat, Bahagian Penyelidikan Perpustakaan dan Bahagian Penerbitan. Antara fungsi-fungsi yang dijalankan oleh ketiga-tiga bahagian ini adalah pengurusan mesyuarat, perancangan strategic, Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM, Sistem Pengurusan Kualiti, pengurusan parlimen, perhubungan awam, hal-ehwal antarabangsa, dasar awam, penyelidikan perpustakaan, pengumpulan dan analisa data statistik dan penerbitan.

Perancangan dan Dasar Korporat

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PNM

Dalam usaha untuk mengukur prestasi perkhidmatan ke arah pencapaian kualiti perkhidmatan di Perpustakaan Negara Malaysia, beberapa Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama telah difokuskan kepada 10 perkara seperti di muka surat 108 – 110.

KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK

Pencapaian KPI Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) adalah seperti di muka surat 110.

Mesyuarat Lembaga Penasihat PNM

Mesyuarat Lembaga Penasihat telah diadakan sebanyak dua (2) kali bagi tahun 2012 iaitu pada 5 April 2012 dan 19 November 2012.

Mesyuarat Pengarah-Pengarah Dengan Ketua Pengarah PNM

Sepanjang tahun 2012, sebanyak lapan (8) kali Mesyuarat Pengarah-Pengarah dengan Ketua Pengarah PNM diadakan.

Mesyuarat Pengurusan PNM

Mesyuarat Pengurusan PNM merupakan mesyuarat peringkat tertinggi dalam bidang kepustakawanan di PNM. Sepanjang tahun 2012, sebanyak sembilan (9) kali mesyuarat telah diadakan.

Parlimen

Sepanjang tempoh mesyuarat di Parlimen bagi Sidang Dewan Rakyat dan Dewan Negara 2012, sebanyak 14 soalan telah diterima dan dijawab yang meliputi pelbagai jenis soalan.

Dewan Rakyat

MESYUARAT	PERTANYAAN		JUMLAH
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN	
PERTAMA (12 Mac - 12 April)	2	1	3
KEDUA (11 Jun - 28 Jun)	2	1	3
KETIGA (24 - 29 September)	1	1	2
JUMLAH	5	3	8

Dewan Negara

MESYUARAT	PERTANYAAN		JUMLAH
	JAWAB LISAN	BUKAN JAWAB LISAN	
PERTAMA (23 April - 10 Mei)	2	1	3
KEDUA (9 - 17 Julai)	1	0	1
KETIGA (3 - 20 Disember)	2	0	2
JUMLAH	5	1	6

Dasar Jabatan

Penggubalan dan pengemaskinian dasar sedia ada PNM amat dititik beratkan memandangkan ia menjurus kepada hala tuju Jabatan. Penggubalan dasar PNM disesuaikan dengan dasar kerjaan sedia ada serta mengambil kira keperluan semasa dalam perkhidmatan perpustakaan dan maklumat. Mesyuarat Dasar PNM telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2012. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah bagi menyelaraskan penyediaan dasar baru dan sedia ada PNM selari dengan peranan PNM sebagai peneraju perpustakaan di Malaysia. Sebanyak empat (4) Dasar PNM telah berjaya dibentangkan iaitu Dasar Galakan Membaca PNM, Dasar Pendokumentasian Bahan Perpustakaan, Dasar Khidmat Nasihat dan Perundingan PNM dan Dasar Manuskrip Melayu

MS ISO 9001:2008

Sepanjang tahun 2012, pelbagai aktiviti yang melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti telah dilaksanakan selaku urus setia seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak dua (2) kali dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan MS ISO 9001:2008 sebanyak tiga (3) kali. Selain daripada itu, sebanyak lima (5) kali bengkel/kursus dan satu (1) sesi taklimat berkenaan penghayatan Sistem Pengurusan Kualiti dan satu (1) lawatan penandaarasan telah berjaya diadakan.

Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan juga, sebanyak tiga (3) kumpulan KIK di peringkat Jabatan telah berjaya ditubuhkan bagi tahun 2012. PNM telah menghantar satu (1) kumpulan iaitu Kumpulan 1PMU dengan tajuk projek “Kesukaran Menjawab Pertanyaan Umum di Kaunter Perkhidmatan” bagi menyertai Pertandingan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) peringkat Kementerian KPKK 30 - 31 Oktober 2012 pada 30 - 31 Oktober 2012.

Portal Jabatan (www.pnm.gov.my)

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) dan Bahagian Teknologi Maklumat adalah bertanggungjawab bagi pengurusan portal Jabatan di bawah Jawatankuasa Kerja Pengurusan Portal PNM (Kandungan). Pada tahun 2012, PNM telah dianugerahkan dengan Penarafan 5 Bintang (*5 Star Rating*) bagi Pengurusan Laman Portal / Web Jabatan Kerajaan melalui *Malaysia Government Portals and Web Assessment (MGPWA)*.

Hubungan Antarabangsa

PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat (BPDK) merupakan *focus point* dan urus setia bagi hal ehwal antarabangsa di Jabatan. Pada tahun 2012, PNM

telah menghantar pegawai kanan dan Ketua Pengarah bagi menghadiri beberapa persidangan / seminar / mesyuarat, antaranya *Conference of Directors of National Libraries in Asia Oceania (CDNLAO)*, *Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL)*, *The 7th 10 + 3 Workshop on Cooperation for Cultural Human Resource Development*, *ASEAN-COCI Subcommittee on Culture Meeting (Asean-SCC)* dan program khas *National Library for Children & Young Adults with the ASEAN-Korea Cooperation Fund*.

Liputan Media

Perpustakaan Negara Malaysia juga telah mendapat liputan media sebanyak 267 liputan yang merangkumi media cetak dan media elektronik. Sebanyak 153 liputan daripada media cetak, manakala 114 media elektronik daripada pelbagai media untuk majlis yang dianjurkan oleh PNM.

Lawatan Rasmi Dan Berpandu

Sepanjang tahun 2012, Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan lawatan rasmi dan berpandu sebanyak 113 yang merangkumi lawatan dalam negeri sebanyak 95 dan luar negara sebanyak 18. Seramai 4,702 orang pelawat dari dalam negeri manakala seramai 414 pelawat luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

Penyelidikan Perpustakaan

Sepanjang tahun 2012, BPP telah melaksanakan empat (4) kajian penyelidikan dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di dalam dan luar Jabatan iaitu seperti berikut:

- (i) Kajian Tinjauan Awal Faktor Kekurangan Pengunjung Dewasa di Perpustakaan Desa.
- (ii) Kajian Status Perkhidmatan Perpustakaan kepada Orang Kurang Upaya di Malaysia.
- (iii) Kajian Tahap Kepuasan Kerja Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia.
- (iv) Kajian Kekukuhan Koleksi Perpustakaan di Malaysia. Manakala kajian yang telah diterbitkan adalah Kajian Harga Buku di Malaysia.

Pengurusan Statistik Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia melalui Bahagian Penyelidikan Perpustakaan juga bertanggungjawab dalam pengumpulan data dan statistik penting seperti bilangan pengunjung, pendaftaran keahlian, koleksi perpustakaan, penggunaan perkhidmatan dan perkhidmatan berasaskan ICT. Pengumpulan data statistik dan penganalisan dibuat secara bulanan dan perbandingan tahunan.

Pengurusan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti

PNM melalui Bahagian Penyelidikan Perpustakaan (BPP) telah dipertanggungjawabkan untuk mengurus dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 Jabatan. BPP bertanggungjawab untuk mengawal selia ke atas dokumen kualiti seperti mewujudkan dokumen kualiti, membuat pindaan kepada dokumen kualiti, pelupusan dokumen kualiti, kawalan ke atas dokumen sokongan luar dan borang dokumen kualiti. Bagi tahun 2012, terdapat penambahan prosedur bagi Peluasan Skop MS ISO 9001:2008 Jabatan iaitu Prosedur Pengurusan Program Galakan Membaca, Prosedur Khidmat Nasihat dan Perundingan, Prosedur Pengurusan Publisiti Media Massa, Prosedur Penerbitan Jabatan dan Prosedur Pengumpulan Statistik Perpustakaan di Malaysia. Penambahan prosedur ini melibatkan enam (6) bahagian iaitu BGLM, BKNP, BRP, BPDK, BPenerbitan dan BPP. Sepanjang tahun 2012, sebanyak lapan (8) dokumen kualiti dan 13 borang telah dipinda serta

dikemaskini setelah diluluskan. Manakala lima (5) prosedur bagi peluasan skop pelaksanaan MS ISO 9001:2008 Jabatan telah ditambah.

Penerbitan

Penerbitan merupakan salah satu inisiatif yang dijalankan oleh PNM dalam usaha menyebarkan maklumat kepada masyarakat. Sebanyak lapan (8) penerbitan telah diterbitkan oleh PNM pada tahun 2012.

Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) / Program Komuniti 1Malaysia

Penganjuran Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) adalah satu keunikan Malaysia yang mampu mempertingkatkan kesedaran rakyat Malaysia tentang tanggungjawab memelihara, mengukuh dan mengekalkan keharmonian rakyat yang berbilang kaum. Juga merupakan salah satu usaha kerajaan melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) untuk mempertingkatkan kesedaran betapa pentingnya saling hormat-menghormati dan bertolak ansur dalam kehidupan masyarakat majmuk.

Sepanjang tahun 2012, PNM melalui Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat telah terlibat dalam penganjuran MRTM dengan menganggotai Jawatankuasa Kerja Jamuan bagi Tetamu kehormat dan khalayak seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
6 Januari	Program Komuniti 1Malaysia	Bukit Sentosa, Hulu Selangor
28 Januari	MRTM Tahun Baru Cina	Sitiawan, Perak
3 Mac	Program Komuniti 1Malaysia	Muar, Johor
4 Mei	Program Komuniti 1Malaysia	Gua Musang, Kelantan
13 Jun	MRTM Gawai Dayak	Kuching, Sarawak
16 Jun	MRTM Tadau Kaamatan	Kompleks Sukan Keningau, Sabah
15 Ogos	Majlis Berbuka Puasa Bersama Timbalan Perdana Menteri	Masjid Putra, Putrajaya
11 September	MRTM Aidilfitri	Permatang Pauh, Pulau Pinang
10 November	Majlis Meraikan Pengiktirafan Lembah Lenggong Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO	Lenggong, Perak
17 November	MRTM Deepavali	Sg Siput, Perak
31 Disember	MRTM Krismas dan Ambang Tahun Baru	Dataran Merdeka, KL



PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

Rangkaian Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara untuk menggalakkan rakyat Malaysia membaca serta membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan memudahkan akses kepada sumber ilmu dan maklumat melalui rangkaian dan infrastruktur yang terancang. Sehingga Disember 2012, terdapat beberapa program dan projek perpustakaan yang telah dilaksanakan seperti berikut:

Projek Pembangunan Perpustakaan Di Bawah Rancangan Malaysia ke-10

Di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia ke-10, sebanyak dua (2) projek fizikal telah diluluskan pada tahun 2011 dan dijangka siap pada 2013 dan 2015 iaitu:

- Pembelian Premis Perpustakaan Pekan Tasek Gelugor, Pulau Pinang yang dijangka selesai pada bulan Mei 2013.
- Projek kedua ialah pembinaan bangunan Perpustakaan Awam Negeri Pahang bagi menggantikan bangunan Perpustakaan Awam Negeri sedia ada. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015.

Pembinaan Perpustakaan Desa

Pada tahun 2012, KPKK telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1,800,000.00 daripada penjimatan peruntukan belanja mengurus kerajaan persekutuan kepada Perpustakaan Awam Negeri tahun 2012 bagi membina lima (5) unit PD iaitu tiga (3) unit di Sabah dan dua (2) unit di Sarawak. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 2013.

Laporan Penyelenggaraan Perpustakaan Desa

Pada tahun 2012, sebanyak 74 unit PD di seluruh negara telah dibaik pulih yang melibatkan kos sebanyak RM1, 135,650.00. Antara kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah seperti pembaikan bangunan seperti bumbung, siling dan dinding, perparitan, sistem kumbahan, ciri-ciri keselamatan bangunan, pendawaian elektrik dan peralatan ICT.

Laporan Perjawatan Perpustakaan Desa

- Sehingga Disember 2012, sebanyak 126 orang Penyelia Perpustakaan (Penolong Pegawai Perpustakaan, Gred S27-Kontrak) daripada 141 perjawatan telah diisi. Sebanyak 15 perjawatan masih lagi belum diisi.
- Manakala bagi jawatan Pembantu Perpustakaan, Gred S17 (Kontrak) pula, sebanyak 410 jawatan daripada 475 jawatan telah diisi iaitu terdiri daripada 382 berstatus Kontrak dan 28 berstatus Pegawai Singkat Harian (PSH) Sebanyak 65 perjawatan masih belum diisi.
- Bagi Pembantu Am Pejabat (PAP) Gred N1 pula sebanyak 436 jawatan telah diisi dan baki 40 perjawatan masih belum diisi. Sesi temuduga pengisian jawatan PAP Gred N1 telah diadakan seperti berikut:

TARIKH	NEGERI
17 - 19 Disember	Johor
17 Disember	Kelantan
17 Disember	Perak
18 Disember	Kedah
19 Disember	Sabah
19 - 21 Disember	Negeri Sembilan
20 Disember	Melaka

Latihan Petugas Perpustakaan Desa

Pada tahun 2012, kursus Pembantu Perpustakaan Gred S17 PD telah dijalankan yang melibatkan seramai 481 orang petugas PD. Latihan ini dibahagikan kepada 5 zon iaitu:

TARIKH	ZON	TEMPAT
10 – 12 Julai	Zon Sarawak (Sarawak)	Hotel Merdeka Palace, Kuching, Sarawak
16 – 18 Julai	Zon Selatan (Johor, Melaka, N. Sembilan & Selangor)	Hotel Emperor, Melaka
9 – 11 September	Zon Timur (Kelantan, Pahang & Terengganu)	Suria Beach Resort, Cherating, Terengganu
25 – 27 September	Zon Sabah (Sabah & W. P. Labuan)	Hotel Ming Garden, Kota Kinabalu, Sabah
10 – 12 Oktober	Zon Utara (Kedah, Perak, Perlis & P. Pinang)	Hotel Summit, Bukit Mertajam, P. Pinang

Mesyuarat Bersama Penyelia Perpustakaan Desa

- Mesyuarat bersama Penyelia Perpustakaan Desa PNM yang dipengerusikan oleh YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM telah diadakan pada 2 Oktober 2012 bertempat di Institut Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bangi, Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 111 orang Penyelia Perpustakaan Desa PNM seluruh negara.
- Bagi memantapkan ilmu pengetahuan Penyelia PD dalam pengurusan perpustakaan kursus berkaitan kewangan, penulisan memo, pengurusan fail dan rekod serta perhubungan awam turut dilaksanakan iaitu pada 1 hingga 3 Oktober 2012.

Laporan Aktiviti Galakan Membaca Perpustakaan Desa

Sehingga Disember 2012, sebanyak RM574,800.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti galakan membaca di 481 buah PD di seluruh negara. Sebanyak 33,384 aktiviti galakan membaca telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2012.



Gambar ilustrasi (lukisan artis) bagi bangunan baru Perpustakaan Awam Negeri Pahang di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan.



Bangunan Perpustakaan Desa Kariah Masjid Qariah Sikamat, Kajang, Selangor.

Khidmat Nasihat

Pada tahun 2012 sebanyak 80 khidmat nasihat telah dilaksanakan. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 34 lawatan khidmat nasihat telah dilaksanakan secara berjadual dan tidak berjadual manakala 6 diterima daripada pemohon yang datang sendiri ke PNM. Selain itu, 40 khidmat nasihat diterima melalui telefon. Fokus utama dalam menjalankan khidmat nasihat adalah di kalangan perpustakaan khusus di bawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di seluruh negara.

Khidmat Perundingan

Sepanjang tahun 2012 sebanyak tiga (3) aktiviti perundingan telah dilaksanakan. Khidmat perundingan diberikan kepada perpustakaan khusus kerajaan, badan berkanun, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berdasarkan kepada permohonan yang diterima.

Mesyuarat dan Bengkel Perpustakaan Gunasama 2012

Sepanjang tahun 2012, sebanyak empat (4) aktiviti merangkumi mesyuarat dan bengkel telah dilaksanakan seperti :

- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 1/2012 pada 11 - 13 Jun 2012 bertempat di Hotel Avillion Legacy, Melaka.
- Bengkel Perjawatan IPTA pada 27 Jun 2012 bertempat di Hotel Palm Garden, Putrajaya.
- Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2012 pada 26 - 28 September 2012 bertempat di Bukit Gambang Resort, Pahang.
- Mesyuarat Ikhtisas Perpustakaan Khusus bagi Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2012 pada 4 - 6 Jun 2012 bertempat di Hotel Horizon, Kota Kinabalu, Sabah.

Tujuan mesyuarat dan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan, Penolong Pegawai Perpustakaan dan Pembantu Perpustakaan yang bertugas di perpustakaan khusus berbincang secara bersemuka dengan Ketua Pengarah selaku Ketua Perkhidmatan Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan tentang isu dan masalah pengurusan perpustakaan khusus di samping memantapkan perkhidmatan perpustakaan di organisasi masing-masing serta memupuk persefahaman dan jalinan kerjasama antara mereka.



Bengkel Perjawatan IPTA pada 27 Jun 2012 di Hotel Palm Garden, Putrajaya.



Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Sokongan Siri 2/2012 pada 26 - 28 September 2012 di Bukit Gambang Resort, Pahang.

PEMBINAAN KOLEKSI NEGARA DAN PENDOKUMENTASIAN

Monograf

Sepanjang tahun 2012 sebanyak 16,699 judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam Negara yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) telah dikatalog dan sebanyak 14,823 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 6,255 judul bahan Malaysiana dan 8,568 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 8,392 judul kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

Di bawah Perkhidmatan Pengkatalogan-dalam-Penerbitan (PDP), sebanyak 6,080 entri data PDP bagi judul baru terbitan Malaysia telah disediakan. Sepanjang tahun 2012 sebanyak 696 penerbit baru telah menyertai perkhidmatan ini di mana 60 adalah penerbit kerajaan dan 636 lagi adalah penerbit bukan kerajaan.

Terbitan Bersiri

Sebanyak 508 judul terbitan bersiri telah dikatalog iaitu 410 judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 98 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 13 judul bahan Malaysiana dan 85 judul bahan bukan Malaysiana.

Sebanyak 534 (44 judul baru) judul majalah dalam negara yang mengandungi artikel penting dikesan dan sebanyak 4,153 artikel diindeks dan boleh dicapai dalam talian.

Sumber Media Dan Elektronik

Sebanyak 1,488 judul bahan sumber media dan elektronik telah dikatalog iaitu 337 judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 1,151 judul melalui proses perolehan. Dari judul yang dipilih melalui proses perolehan ini, 77 judul terdiri dari bahan Malaysiana dan 1,074 judul terbitan dari bahan bukan Malaysiana.

Pangkalan Data Penerbit

Pelancaran Pangkalan Data Penerbit telah diadakan pada 24 Julai 2009 dan juga telah dipaparkan pada laman web Jabatan pada hari yang sama. Sebanyak 10,201 entri data penerbit telah diinput di dalam pangkalan data penerbit ini.

Perolehan

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, PNM terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2012, jumlah kumulatif koleksi PNM adalah 3,943,599 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2012 di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 adalah sebanyak 201,773 unit, melalui pembelian sebanyak 85,989 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 3,097 unit.

Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Di samping perolehan untuk PNM, perolehan turut dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia. Pada tahun 2012, sebanyak 352,737 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperolehi untuk Perpustakaan Desa di seluruh negara di mana jumlah perpustakaan desa pada tahun 2012 ialah sebanyak 481 buah.




PERKHIDMATAN MALAYSIANA

Pusat Maklumat Malaysiana

Pemeliharaan koleksi warisan intelek negara dan memudahkan akses kepada bahan warisan tersebut oleh masyarakat merupakan tanggungjawab Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Menyedari betapa pentingnya peranan PNM dalam menyediakan perkhidmatan maklumat yang terbaik mengenai negara ini untuk kegunaan generasi masa kini dan masa depan, Jabatan telah berusaha untuk memantapkan perkhidmatan rujukan Malaysiana ke taraf dunia dan seterusnya menjadikan Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Sumber Ilmu Malaysiana. Pusat Maklumat Malaysiana (PMM'siana) adalah bertanggungjawab bagi mengurus koleksi Malaysiana untuk kegunaan pembaca dan menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan maklumat berasaskan koleksi sumber-sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan. Selaras dengan strategi Perpustakaan Negara Malaysia bagi memperkasakan lagi perkhidmatan koleksi Malaysiana, maka pada tahun 2010 PMM'siana telah berpindah ke


bangunan baru iaitu Menara PNM dan menduduki lima (5) tingkat iaitu dari Aras 6 hingga Aras 10.

Perkhidmatan Kaunter Pusat Maklumat Malaysiana terdiri daripada enam (6) kaunter keseluruhannya iaitu Kaunter Terbitan Bersiri dan Kaunter Surat khabar Malaysiana di Aras 6, Kaunter Monograf Malaysiana di Aras 7, Kaunter Folio Malaysiana di Aras 8, Kaunter Terbitan Kerajaan dan Perundangan di Aras 9 dan Kaunter Koleksi Khas di Aras 10 (beroperasi secara *On Call*). Keseluruhan koleksi Malaysiana pada tahun 2012 berjumlah kira-kira 1,168,074 naskhah (Jadual I).



Jadual I

Pada tahun 2012, seramai 144,652 pembaca merujuk kepada 1,168,074 koleksi Malaysiana (Jadual II). Sejumlah 911 permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan diterima dan 15,154 pertanyaan arah tunjuk serta 31,758 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.



Jadual 2

Pusat Maklumat Malaysia sentiasa berusaha memantapkan perkhidmatannya serta mempromosikan koleksi Malaysiana melalui penganjuran dan pelaksanaan pelbagai aktiviti pameran dan program keilmuan sepanjang tempoh Januari hingga

Disember 2012. Di antara program yang telah dilaksanakan dengan jayanya adalah Pembudayaan Bahasa Melayu di peringkat Jabatan. Pembukaan program dengan satu Wacana Penulisan dan Penerbitan Bahasa Melayu yang berkonsepkan bual bicara telah diadakan pada 16 April 2012 yang bertempat di Auditorium PNM. Program ini membincangkan senario penerbitan ilmiah bahasa Melayu di Malaysia dengan gaya penceritaan dan teknik penulisan yang diilhamkan oleh seorang novelis. Rentetan itu, satu Pameran Bergerak Jiwa Bangsa 1 Malaysia yang memaparkan sejarah perkembangan Bahasa Melayu daripada pelbagai aspek telah dilaksanakan pada 26 April, 29 April, 16 Jun, 30 Jun dan 3 September 2012 bertempat di dua (2) IPTA dan lima (5) Perpustakaan Desa yang terpilih. Manakala pada 20 September 2012, Seminar Sehari Bersama Pakar Bahasa telah diadakan di PNM Cawangan Perlis yang melibatkan 200 orang peserta program. Tujuan seminar ini adalah untuk mendedahkan kepada para peserta berkaitan dengan penggunaan nahu bahasa yang betul. Bersempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan 2012, satu Bicara Penulis telah diadakan di Performing Art Theater MSU, Shah Alam dengan kehadiran seramai 400 orang peserta pada 26 Julai 2012. Penutup program Pembudayaan Bahasa Melayu bagi tahun 2012 adalah dengan pelaksanaan bengkel belajar bahasa Melayu yang bertemakan "Biasakan yang Betul,



Tetamu jemputan YBhg. Datuk Dr Mohd Anuar Rethwan, Sasterawan Negara, bersama Y.Bhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan Pengarah PIM, Cik Salbiah Mohammad Yusof sempena Program Wacana Penulisan dan Penerbitan Bahasa Melayu di Auditorium PNM pada 16 April 2012.



Atas: Pameran Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu: Koleksi Nadir dan Manuskrip (sempena Festival Kuala Lumpur) di Ruang Pameran, Aras 1, PNM pada 1 - 21 Julai 2012.

Bawah: Bicara Pejuang Bangsa bersama Mejar Nor Ibrahim bin Sulaiman (TUDM) dan Mejar (B) Ishak bin Mohd Isa yang berlangsung di Auditorium, PNM pada 13 September 2012.



Betulkan yang Biasa” yang dijalankan di Bilik Latihan, Aras 5 PNM pada 26 November 2012. Program ini bertujuan untuk memupuk rakyat Malaysia menggunakan tatabahasa yang betul dalam komunikasi dan penulisan seharian.

Selain dari Program Pembudayaan Bahasa Melayu, Pusat Maklumat Malaysiana juga telah menganjurkan satu pertandingan Petugas Kaunter Cemerlang pada 25 Julai - 30 Ogos 2012 di 16 kaunter perkhidmatan PNM. Pertandingan ini adalah untuk melihat pengamalan nilai-nilai murni di kalangan petugas kaunter PNM berdasarkan pemilihan undian oleh pengguna perpustakaan. Manakala pada 5-6 September 2012, Pertandingan Pidato Kemerdekaan telah dilaksanakan di Perpustakaan Awam Pulau Pinang. Tujuan pertandingan ini adalah untuk memperkukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Bagi memupuk dan membakar semangat anak bangsa Malaysia mencintai sejarah pejuang tanahair sempena Bulan Kemerdekaan, satu Bicara Pejuang Bangsa telah dijayakan di Auditorium, PNM pada 13 September 2012 yang dihadiri oleh 350 orang peserta termasuk pengguna Perpustakaan Negara Malaysia. Pada 22 Oktober 2012 telah berlangsungnya Program Kenali dan Cintai Puisi Melayu Tradisional: Gurindam di Auditorium, PNM. Program ini bertujuan bagi memperkenalkan salah satu genre puisi yang perlu diketengahkan kepada masyarakat umum. Program yang terakhir telah dijayakan oleh Pusat Maklumat Malaysiana bagi tahun 2012 adalah Wacana Minda Kenali dan Cintai Keunikan Koleksi Nadir yang bertempat di UPSI, Tanjung Malim pada 26 November 2012. Wacana ini dianjurkan untuk berkongsi maklumat mengenai bahan nadir sebagai koleksi khazanah Melayu lama warisan intelek.

Pameran diadakan bagi mempromosikan kandungan maklumat yang terdapat dalam koleksi sumber rujukan Malaysiana. Pusat Maklumat Malaysiana telah mengadakan pelbagai bentuk pameran yang memberi penekanan khusus kepada Koleksi Nadir & Peribadi dan pameran sempena kemerdekaan.

Pameran / Program Pusat Maklumat Malaysiana 2012

TARIKH	PAMERAN/ PROGRAM	TEMPAT
1 – 31 Julai	Pameran Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu : Koleksi Nadir dan Manuskrip (sempena Festival Kuala Lumpur)	Ruang Legar Pameran, Aras 1, Anjung Bestari PNM
1 Ogos – 30 November	Pameran Imbasan Sejarah Perjuangan Kemerdekaan	Ruang Legar Pameran, Aras 1, Anjung Bestari PNM
Januari – Disember	Pameran mini koleksi Nadir dan Peribadi dengan tema pilihan. (4 Pameran)	Aras 10, Menara PNM
24 – 26 April 9 Ogos – 30 September 26 November – 31 Disember	Pameran Koleksi Nadir dan Peribadi (3 Pameran)	UMT UiTM UPSI, Tg Malim

Bawah: Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar sempena Program Kenali dan Cintai Puisi Melayu Tradisional: Gurindam bersama Mas Adeki pada 22 Oktober 2012 di Auditorium, PNM.



Pusat Manuskrip Melayu

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab sebagai Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu dan urus setia Program Pembudayaan Tulisan Jawi. Justeru, segala pelaksanaan program pada tahun 2012 adalah aktiviti yang memperkasakan manuskrip Melayu, aktiviti Pembudayaan Tulisan Jawi atau gabungan antara kedua-duanya. Kepelbagaian program yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menyuburkan semangat cintakan warisan budaya bangsa dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda masa kini.

Pelaksanaan Program Pusat Manuskrip Melayu 2012

KATEGORI PESERTA	BIL. PESERTA
12 – 13 Januari	Bengkel Pengkatalogan Manuskrip Melayu dengan kerjasama Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) di Perpustakaan Negara Malaysia.
26 Januari	Wacana Manuskrip Melayu “Mutiara Peradaban Bangsa” di Perpustakaan Negara Malaysia.
27 – 28 Februari	Pendokumentasian Manuskrip Melayu di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.
24 Mac	Pengesanan Manuskrip Melayu di Terengganu dan Kelantan.
25 April	Wacana Manuskrip Melayu “Hang Tuah: Adiwira Dunia Melayu” di Wisma Sejarah, Kuala Lumpur.
16 Julai	Pertandingan Bacaan Naskhah Lama sempena Festival Kuala Lumpur 2012 di Perpustakaan Negara Malaysia.
19 Oktober	Pertandingan Bacaan Naskhah Lama sempena Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 di Pusat Dagangan Terengganu, Terengganu.
19 Oktober	Wacana Manuskrip Melayu “Senjata Tradisional Alam Melayu” sempena Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 di Pusat Dagangan Terengganu, Terengganu.
8 November	Pertandingan Teater Muzikal: Ceritera Hikayat di Perpustakaan Negara Malaysia.
24 November	Wacana Ilmu: Telusuri Kegemilangan Melayu Melalui Naskhah Lama dan Artifak di Perpustakaan Negara Malaysia.

PMM berusaha untuk menambah koleksi asal manuskrip Melayu dalam simpanan melalui usaha-usaha pengesanan dan perolehan yang berterusan. Pada tahun 2012, manuskrip Melayu asal yang diperoleh adalah sebanyak 113 naskhah menjadikan jumlah keseluruhan manuskrip Melayu adalah sebanyak 4501 naskhah. Sepanjang tahun 2012, PMM telah menerima seramai 3428 orang pengunjung. PMM juga telah memberikan perkhidmatan kepada 246 orang penyelidik yang merujuk kepada 906 naskhah manuskrip Melayu asal dan 82 salinan gelung mikrofilem.

Pameran Pusat Manuskrip Melayu 2012

TARIKH	PERKARA
Januari – Februari	Manuskrip Melayu dari Sudut Kodikologi (Penjilidan dan Jenis-Jenis Kertas) di Ruang Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu.
Mac – April	Manuskrip: Antara Yang Teristimewa (Manuskrip Tertua) di Ruang Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu.
Mei – Jun	Pameran Manuskrip Melayu di Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis.
Julai – Ogos	Kosmologi Dalam Manuskrip Melayu di Ruang Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu.
Julai – Ogos	Pameran Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu: Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu sempena Festival Kuala Lumpur 2012 di Perpustakaan Negara Malaysia.
Ogos – Oktober	Pameran Luar Jabatan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
September – Oktober	Seni Penulisan Khat Dalam Manuskrip di Ruang Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu.
Oktober	Pameran Keunggulan Tulisan Jawi sempena Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 di Pusat Dagangan Terengganu, Terengganu.
November – Disember	Adiwira Dalam Manuskrip Melayu di Ruang Penyelidikan Pusat Manuskrip Melayu.



RTM sedang membuat penggambaran bagi Pameran Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu : Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu di PNM.

Program Pusat Manuskrip Melayu 2013



Atas: Pameran Hikayat Hang Tuah sempena Wacana Manuskrip Melayu "Hang Tuah Adiwira Dunia Melayu".

Bawah: Pementasan Teater Muzikal: Ceritera Hikayat oleh Institut Pendidikan Kampus Islam Bangi, Selangor.



Pakar Maklumat

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan rujukan dan perujukan yang merangkumi pertanyaan berbentuk penyelidikan dan ringkas kepada pengguna perpustakaan dan orang ramai. Selaras dengan istilah PNM sebagai gedung ilmu, juga turut berfungsi memberi perkhidmatan serta menyebarkan maklumat kepada semua lapisan komuniti di seluruh Malaysia.

Sepanjang tahun 2012, PNM telah berjaya memenuhi permintaan maklumat pengguna di mana sebanyak 124 soalan berbentuk penyelidikan dan 229 pertanyaan rujukan ringkas yang diterima melalui emel telah diberi maklumbalas / jawapan. Selain itu, sebanyak 116 soalan/jawapan daripada pertanyaan penyelidikan serta rujukan ringkas terpilih telah berjaya diinput ke dalam pangkalan data i-Pakar (<http://i-pakar.pnm.my>) dalam modul FAQ bagi memudahkan pengguna mencapai maklumat pertanyaan yang sama.

Pakejan Maklumat adalah kompilasi pelbagai sumber maklumat dalam sesuatu bidang atau perkara. Ia merupakan nilai tambahan kepada perkhidmatan dan koleksi sedia ada di

PNM dan pengguna mempunyai pilihan dalam mendapatkan maklumat di samping menarik lebih ramai pengunjung ke PNM. Bagi tahun 2012, PNM telah berjaya menyediakan sebanyak 50 tajuk bahan Pakejan Maklumat untuk memenuhi kehendak pengguna terutamanya pelajar sekolah dan isu-isu semasa. Bahan pakejan maklumat ini disusun mengikut subjek di atas rak boleh dirujuk oleh pengguna di Aras 8, Menara PNM. Bagi memudahkan lagi capaian kepada pakejan maklumat ini, pengguna boleh mengakses pakejan maklumat yang sama dalam bentuk digital secara atas talian menerusi modul Pempakejan Maklumat Digital dalam pangkalan data i-Pakar.

Tahun 2012 juga merupakan tahun rintis bagi Projek Pembangunan Koleksi Pakejan Maklumat di Perpustakaan Desa (PD) terpilih berdasarkan pemerhatian, iaitu terdapat usaha dalam pengumpulan bahan / artikel yang dijalankan oleh PD tersebut. Justeru, Perpustakaan Desa Taman Mas Merah, Batu Berendam, Melaka telah dipilih untuk memulakan projek rintis ini dan sebanyak 15 tajuk pakejan telah diusahakan secara bersama oleh BPM dengan PD berkenaan.

Program Literasi Maklumat di SMK Bukit Baru, Melaka
23 Mac 2012.



PNM sebagai sebuah institusi yang mendokong aspirasi kerajaan untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan supaya rakyat dapat memperkayakan diri dengan ilmu pengetahuan dan berupaya bersaing di peringkat global. Penguasaan ilmu dan kemahiran mencari maklumat merupakan kunci kejayaan bagi mencapai hasrat kerajaan. Justeru, PNM sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan dan pengetahuan literasi maklumat kepada semua lapisan masyarakat melalui pelbagai program/aktiviti pembudayaan ilmu. Bagi menyemarakkan lagi kemahiran literasi maklumat kepada masyarakat, PNM telah berjaya membangunkan 3 tahap modul Literasi Maklumat (LM) berdasarkan kepada panduan *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) guidelines on Information Literacy for Lifelong Learning* pada tahun 2011 untuk digunakan bagi membantu semua golongan sasaran mempelajari literasi maklumat secara menyeluruh, di samping menubuhkan satu Kumpulan SME Literasi Maklumat khas untuk mengendalikan program ini. Pelancaran tiga (3) tahap modul Literasi Maklumat 1Malaysia pada 23 Disember 2011 di Maran, Terengganu, telah menarik bukan sahaja sekolah, bahkan agensi-agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pelajaran, Kem TLDM, hospital, perpustakaan, IPTA dan NGO untuk turut sama mendapatkan perkhidmatan Program Literasi Maklumat (LM) PNM dalam membina modal insan dan tenaga kerja yang berpengetahuan atau *K-Worker*.

Pada tahun 2012, Program LM telah diperluaskan ke sekolah-sekolah serta kepada masyarakat umum dalam negeri yang dipilih dan tidak hanya bertumpu di kawasan Lembah Klang dan Selangor sahaja. Negeri tersebut termasuklah Melaka, Negeri Sembilan, Perak, dan Sarawak. Selain itu, PNM turut menerima jemputan untuk mengendalikan program / ceramah LM di institusi dan organisasi luar. Program Literasi Maklumat

(LM) PNM yang berjaya dilaksanakan mengikut pembahagian kategori peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

Program Literasi Maklumat yang berkesinambungan dari tahun-tahun sebelum ini telah terbukti membawa impak positif kepada peserta program yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dalam mempelbagaikan medium pencarian dan meningkatkan tahap literasi maklumat.

KATEGORI PESERTA	BIL. PROGRAM	BIL. PESERTA
Pelajar	30	2,104
Komuniti Setempat (aktiviti LMM sempena program yang dianjurkan oleh BGLM)	4	112
Jururawat / Kakitangan Hospital / Perpustakaan	1	30
Anggota Tentera	1	33
Guru/Kakitangan Jabatan Pelajaran	4	127
Penjawat Awam	1	28
Kakitangan PNM/ Perpustakaan Desa	11	720
NGO	1	33
JUMLAH	53	3,187



Program Literasi Maklumat di Kolej Dato' Patinggi Abg Haji Abdillah Kuching, Sarawak, 22 Mei 2012.

PERKHIDMATAN MAKLUMAT UMUM

Maklumat Umum


Perpustakaan Negara Malaysia juga menyediakan perkhidmatan dan koleksi bahan rujukan terbitan luar negara dalam semua bidang perkara untuk keperluan maklumat pengguna.

Bahan Monograf dan Koleksi Harvard boleh dirujuk oleh pengguna Perpustakaan di Aras 3 Tengah, bangunan Anjung Bestari, PNM. Manakala bahan terbitan bersiri, Koleksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Koleksi ASEAN boleh diperolehi di Aras 4 Tengah. Perkhidmatan Maklumat Perniagaan (Business Information Service/BIS) turut disediakan di Aras 2 Tengah.


Pada tahun 2012, seramai 51,651 orang pembaca telah menggunakan perkhidmatan Maklumat Umum dan sebanyak 69,103 naskhah bahan telah dirujuk (Jadual II). Jumlah pertanyaan rujukan yang diterima dan dijawab pula adalah sebanyak 6,592 pertanyaan. Seramai 2,542 orang pengguna telah menggunakan perkhidmatan bilik karek yang disediakan di Aras 3 Tengah, Anjung Bestari, PNM.

Keseluruhan koleksi Maklumat Umum pada tahun 2012 berjumlah 433,726 naskhah (Jadual I).

Jadual I: Koleksi Maklumat Umum Sehingga Tahun 2012



Jadual II: Koleksi Bahan Dirujuk Pada Tahun 2012



Aktiviti yang telah dilaksanakan di sepanjang 2012 adalah:

TARIKH	PERKARA
5 Mac	Majlis Pelancaran 9th Dublin Literary Award for Young Malaysians
23 April	Program Sambutan Hari Buku Sedunia 2012
1 – 31 Okt	Pameran Bulan Kewangan 2012
30 Nov	Majlis Penyerahan Bahan Sumbangan Republik Kazakhstan
15 Nov – 16 Dis	Pameran Mini Industri Kecil dan Sederhana (IKS)
18 Dis – 13 Jan	Pameran Mini Kenali ASEAN 2012

Khidmat Pelanggan

Pendaftaran Ahli PNM

- Bagi tahun 2012, seramai 62,038 orang telah mendaftar sebagai ahli PNM. Dari jumlah tersebut, seramai 55,785 orang atau 89.9% adalah dari kategori dewasa, manakala 6,253 orang atau 10.1% merupakan kategori kanak-kanak. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah keahlian PNM secara kumulatif adalah seramai 1,062,316 orang.
- Kempen keahlian luar jabatan telah diadakan di 99 lokasi yang melibatkan agensi kerajaan, tadika, sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Pameran

Sepanjang tahun 2012, Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan sebanyak 41 pameran di dalam dan luar jabatan.

Dalam Jabatan

Sebanyak 12 pameran dalam Jabatan telah diadakan seperti berikut:

- Dewan pameran PNM

TARIKH	TAJUK PAMERAN	PROGRAM	TEMPAT	ANJURAN
Januari – Mac	Pameran ‘Sejuta Tinta..Sejuta Karya Wajah-wajah Penulis Malaysia’	Pameran Jabatan	Dewan Pameran, PNM	BKP
Mac	Pameran ‘Winners of the Dublin Literacy Award for Young Malaysians (2006-2009 & 2011)’	Pameran sempena <i>Dublin Literacy Award for Young Malaysians</i>	Dewan Pameran, PNM	BMU/ BKP
23 April – 7 Mei	Menara Buku dan Pameran Buku-Buku Popular dan Terlaris	Pameran sempena Hari Buku Sedunia	Dewan Pameran, PNM	BKP/ BMU
6 Jun – 16 Jun	Pameran Makan Sihat Mencegah Obesiti	Program Makan Sihat Mencegah Obesiti & Literasi Maklumat	Dewan Pameran, PNM	BPD/ BKP
1 – 31 Julai	Pameran ‘Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu: Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu’	KL Fest 2012	Dewan Pameran, PNM	PMM'siana/ PMM/ BKP
15 Ogos – 1 Oktober	Pameran ‘Bicara Pejuang Bangsa’	Pameran sempena Sambutan Hari Kemerdekaan	Dewan Pameran, PNM	PMM'siana/ BKP
8 – 31 Oktober	Pameran sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ	Majlis Pelancaran Minggu Kesedaran Pendermaan Organ	Dewan Pameran, PNM	BKP/ Pusat Sumber Transplan Negara
23 Disember	Pameran ‘Kekejaman Zionis Israel Di Bumi Gaza’	Festival Kanak-Kanak 1Malaysia: Saya Pembaca Setia @PNM	Dewan Pameran, PNM	Bahagian Pinjaman/ BKP

- Lain-lain lokasi di PNM

TARIKH	TAJUK PAMERAN	PROGRAM	TEMPAT	ANJURAN
14 – 21 Mei	Pameran Ikon Membaca Kebangsaan 'Tun. Dr. Mahathir Mohamad'	Majlis Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan & Penyemarakkan Kempen Nilai-Nilai Murni	Lobi PNM	BKP/Yayasan Kepimpinan Perdana
20 – 24 November	Pameran Telusuri Kegemilangan Melayu Menerusi Naskhah dan Artifak	Majlis Telusuri Kegemilangan Melayu Menerusi Naskhah Dan Artifak	Bilik Manuskrip, Aras 2, Anjung Bestari	PNM dengan kerjasama Kelab Merdeka Muda (KEMUDA)
1 November	Pameran Buku Skrap	Majlis Penyampaian Hadiah Pemenang Buku Skrap sempena Bulan Kemerdekaan	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari	PNM
30 November	Pameran Bahan Bacaan terbitan Republik Kazakstan	Majlis Penyerahan Bahan Bacaan terbitan Republik Kazakstan kepada PNM	Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari	BKP

Luar Jabatan

Sebanyak 29 pameran luar Jabatan telah diadakan seperti berikut:

TARIKH	NAMA PAMERAN	PROGRAM	TEMPAT	ANJURAN
17 – 18 Februari	Pameran Herba Tradisional	Pelancaran Pusat Transformasi Luar Bandar	RTC, Gopeng	Kem. Pengajian Tinggi
22 – 23 Februari	Pameran Herba Tradisional	Aktiviti Pusat Sumber	Pusat Sumber, Sg Buloh	Hospital Sg Buloh
3 Mac	Pameran Herba Tradisional	National Blue Ocean Strategy	PD Senggang, Kuala Kangsar	UIA
3 Mac	Pameran Herba Tradisional	Karnival Kesihatan Dan Keselamatan	Taman Ehsan, Kepong	UMNO cawangan Kepong
21 Mac	Pameran Yang Pertama	PTPL Sentral Book Fair 2012	PTPL Sentral	PTPL
10 April	Permainan Tradisional	Bulan Pusat Sumber	SK Jalan Raja Muda	BGLM,PNM
17 April	Permainan Tradisional	Minggu Pusat Sumber	SMK Convent Sentul	SMK Convent Sentul
26 April	Pameran Manuskrip & M'siana	Forum Antarabangsa Bahasa Melayu	UMT Terengganu	UMT Terengganu
30 April	Pameran Permainan Tradisional	Kempen Membaca Program NILAM	SK Bandar Raub, Pahang	SK Bandar Raub

30 April	Pameran Bahasa Melayu	Program Mari Membaca 1Malaysia sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2012	Kolej Islam Darul Ridzuan dan Persisiran Sayong, Kuala Kangsar	PNM dengan kerjasama Persatuan Karyawan Perak
3 Mei	Pameran Herba Tradisional	Perasmian Pusat Transformasi Luar Bandar	RTC, Kelantan	KPDNKK, Putrajaya
6 Mei	Pameran Perpustakaan Keluarga	Minggu Education for All	Lorong Haji Taib 3, Chow Kit	Kem. Pelajaran Malaysia
23 Mei	Pameran Tokoh-Tokoh Terpilih	Sehari bersama Perpustakaan	Pusat Sumber, KKLW, Putrajaya	Kem. Kemajuan Luar Bandar
26 Mei	Pameran Ikon Membaca	Himpunan Jutaan Belia	Dataran KPKK, Putrajaya	Kem. Belia dan Sukan
14 – 15 Jun	Pameran Ikon Membaca	I Love MSU Library	Management and Science University, Shah Alam	Management and Science University
16 Jun	Pameran Permainan Tradisional	Hari Terbuka SK Bandar Tasik Kesuma	SK Bandar Tasik Kesuma	SK Bandar Tasik Kesuma
20 Jun	Pameran Permainan Tradisional	Kempen Keahlian & Promosi Perkhidmatan PNM di SMK Sri Ampang	SMK Sri Ampang	SMK Sri Ampang
26 Julai	Pameran Bahasa Melayu	Bicara Penulis	Management and Science University, Shah Alam, Selangor	PNM dengan kerjasama Management and Science University
27 Jun	Pameran Permainan Tradisional	Hari Koperasi Kerjaya & Kokurikulum	SMV Sungai Buloh	SMV Sungai Buloh
21 – 30 Julai	Pameran Ragam Hidup & Lakaran Kartun	Hari Pusat Sumber Sekolah	SMK Dusun Nanding	SMK Dusun Nanding
18 – 19 Oktober	Pameran Ikon Membaca	Jom Membaca Perpustakaan Politeknik Sultan Azlan Shah	Politeknik Sultan Azlan Shah	Politeknik Sultan Azlan Shah
18 – 20 Oktober	Pameran Manuskrip Melayu	Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012	Pusat Dagangan Terengganu (TTC) Kuala Terengganu	PNM dengan kerjasama Perpustakaan Awam Terengganu
20 Oktober	Pameran Inisiatif Digital	Karnival Usahawan & Kokurikulum	SMK Sri Selayang	SMK Sri Selayang
25 Oktober	Pameran Ikon Membaca	Aktiviti Galakan Membaca	Sekolah Antarabangsa St. John	Sekolah Antarabangsa St. John

10 November	Pameran Inisiatif Digital & u-Pustaka	Pengiktirafan Lembah Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO	Lenggong, Perak	Jabatan Warisan Negara
24 November	Pameran Inisiatif Digital & u-Pustaka	Program Sepetang Bersama Menteri KPKK, Menteri KPT dan Mahasiswa UM	Pentas Terbuka Gazebo, Kolej Perdana siswa UM	JKKN
26 November	Pameran Koleksi Nadir	Program Wacana Minda Koleksi Nadir	UPSI, Tanjong Malim, Perak	Universiti Perguruan Sultan Idris
10 Disember	Pameran Perkhidmatan Digital PNM	Program Hari ICT KPKK	PICC, Putrajaya	KPKK
31 Disember	Pameran Perkhidmatan Digital PNM	Majlis Rumah Terbuka Krismas 2012 dan Sambutan Tahun Baru 2013	Dataran Merdeka, KL	KPKK

Program Literasi Maklumat Pengguna PNM

Objektif utama Program Pendidikan Pengguna adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai sumber-sumber rujukan serta kaedah yang betul untuk mengakses maklumat. Sepanjang tahun 2012, program ini telah dilaksanakan sebanyak 28 kali, dengan penglibatan seramai 874 orang murid dan 56 orang guru dari 28 buah sekolah menengah dari sekitar Lembah Kelang.



Para pelajar sedang menyiapkan tugas sempena Program Literasi Maklumat pada 15 September 2012 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya.

Bahagian Pinjaman

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sentiasa berusaha untuk memberi kepimpinan dalam pengurusan sumber ilmu dan menyokong usaha kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu.

Sehubungan itu, PNM sentiasa meneruskan usahanya untuk mencapai matlamat dalam menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan melaksanakan program serta aktiviti galakan membaca kepada pengguna perpustakaan. Usaha-usaha ini adalah selaras untuk membina bangsa Malaysia yang berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

Perkhidmatan

PNM dalam usaha untuk mencapai objektif telah berusaha menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan meningkatkan pengurusan koleksi pinjaman. Pecahan bagi aktiviti sirkulasi mengikut unit adalah seperti di bawah:

UNIT	PINJAMAN	PEMULANGAN	PEMBAHARUAN	TEMPAHAN
Pinjaman Dewasa	471,041	330,959	71,932	65
Pinjaman Kanak-kanak	798,778	768,471	71,932	-
Pinjaman Berkelompok	75,931	75,272	40,582	-
Jumlah	1,345,750	1,174,702	195,754	65

Bagi menjamin perkhidmatan yang cekap dan berkesan, PNM sentiasa mendapat sokongan padu daripada Bahagian Khidmat Teknik dengan membekalkan buku-buku baru dan terkini. Ini menjadikan bilangan koleksi pinjaman adalah 63,588 naskah sehingga tahun 2012.

UNIT	PENERIMA (NASKAH)
Pinjaman Dewasa	25,050
Pinjaman Kanak-kanak	17,460
Pinjaman Berkelompok	21,078
Perpustakaan AEON AU2	1,133
Perpustakaan AEON Mahkota Cheras	2,838
Jumlah	67,559

Setakat Disember 2012, Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok mempunyai seramai 322 ahli terdiri daripada jabatan kerajaan, syarikat swasta, sekolah, pusat sumber serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Aktiviti Galakan Membaca

Di samping memberi perkhidmatan pinjaman buku, PNM turut mengendalikan aktiviti galakan membaca atau aktiviti tambahan secara terancang dan teratur. Aktiviti galakan membaca bertambah rancak terutamanya bagi golongan kanak-kanak semasa cuti sekolah.

Perpustakaan Komuniti

Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras dan AEON AU2 merupakan inisiatif jalinan persepakatan pintar Perpustakaan Negara Malaysia dan AEON bermula tahun Mac 2011. Perpustakaan Komuniti di bawah seliaan PNM ini merupakan sebagai satu destinasi kunjungan pada hujung minggu terutama pada musim cuti sekolah sebagai tempat riadah dan rekreasi minda ke arah mendekatkan diri masyarakat dengan perpustakaan. Statistik tertera adalah sehingga Disember 2012.

Perpustakaan AEON AU2

UNIT	PINJAMAN	PEMULANGAN	PEMBAHARUAN	TEMPAHAN
Pinjaman Dewasa	22,347	19,966	649	-
Pinjaman Kanak-kanak	12,089	11,934	441	-
Jumlah	34,436	31,900	1,090	-

Perpustakaan AEON Mahkota Cheras

UNIT	PINJAMAN	PEMULANGAN	PEMBAHARUAN	TEMPAHAN
Pinjaman Dewasa	15,866	16,184	286	-
Pinjaman Kanak-kanak	16,736	16,775	124	-
Jumlah	32,602	33,550	410	-



Atas: Peserta yang menyertai program kanak-kanak bersama play doh (plastisin) pada 20 Disember 2012 di PNM.

Bawah: Peserta yang menyertai Program Kanak-Kanak 'Kenali Malaysia, Cintai Malaysia' pada 10 November 2012 di PNM.



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN DIGITAL NASIONAL (PERDANA)

Pengurusan Perkhidmatan Perdana

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam penyampaian perkhidmatan maklumat di peringkat negara dan antarabangsa iaitu melalui penyediaan capaian yang mudah dan cepat kepada koleksinya. Selaras dengan kemajuan ICT dan hasrat Kerajaan ke arah mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan, PNM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempertingkatkan dan menambahkan capaian kepada sumber maklumat perpustakaan antaranya Sistem Perpustakaan Digital Nasional (PERDANA) dan Perkhidmatan Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka).

Perkhidmatan MyLib

MyLib merupakan satu portal yang dibangunkan sejak tahun 2000 bawah Projek PERDANA yang menyediakan perkhidmatan capaian kepada sumber ilmu dalam bentuk digital secara atas talian daripada pelbagai pangkalan data sumber elektronik bagi tujuan rujukan, penyelidikan dan pembelajaran kepada pengguna perpustakaan di seluruh Negara. Portal Mylib boleh dicapai melalui laman web PNM atau terus melalui alamat <http://mylib.pnm.my>. Mylib menyediakan capaian kepada pelbagai sumber elektronik seperti e-Buku, e-Jurnal, e-Majalah, artikel dan sebagainya. Semua pangkalan data ini boleh diakses oleh pengguna PNM atau ahli konsortium bergantung kepada pangkalan data yang telah diberi kebenaran akses. Pada tahun 2012, Mylib telah menyediakan pangkalan data EBSCO Premier Publication Library Package, Emerald Management and Engineering, BERNAMA Library and Infolink Services (BLIS), Lexis, Encyclopedia Britannica Online (EBO), World eBook Library, OverDrive, Zinio, Credo Reference dan eBrary.

Katalog Induk Kebangsaan (KIK)

KIK merupakan salah satu perkhidmatan perkongsian sumber di kalangan perpustakaan di Malaysia yang dihos dan diselenggarakan oleh PNM. Sehingga akhir tahun 2012, terdapat penambahan ahli konsortium KIK iaitu sebanyak 24 buah perpustakaan yang menjadikan jumlah keseluruhan ahli KIK sebanyak 124. Perkhidmatan dalam talian ini menyediakan akses kepada sumber maklumat komprehensif mengenai bahan perpustakaan di Malaysia untuk rujukan pustakawan, penyelidik dan orang awam. Ia memberi deskripsi mengenai

bahan dalam bentuk bercetak dan tidak bercetak seperti buku, majalah, jurnal, laporan tahunan, surat khabar, peta, kaset, video, filem, sumber elektronik, cakera padat data dalam pelbagai bahasa.

Pada tahun 2012, KIK mencatatkan jumlah capaian perkhidmatan dalam talian iaitu sebanyak 5,852,442 dan jumlah rekod yang boleh dicapai dalam pangkalan data KIK sehingga April 2012 adalah 5,316,544 daripada 100 buah perpustakaan konsortium.

Pembangunan Kandungan

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan terus dilaksanakan sebagai suatu langkah untuk menyediakan akses kepada sumber-sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan pengguna perpustakaan. Koleksi-koleksi unik yang dimiliki oleh PNM, seperti Manuskrip Melayu, Buku Nadir, Koleksi Peribadi dan terbitan PNM sentiasa diberi keutamaan dalam proses pendigitalan sebagai satu usaha untuk memelihara koleksi-koleksi ini secara digital bagi kegunaan generasi masa kini dan akan datang. Sebanyak 102,664 muka surat bahan perpustakaan, meliputi Manuskrip Melayu, buku nadir, artikel surat khabar/majalah, kertas persidangan/seminar, koleksi peribadi dan terbitan-terbitan PNM telah berjaya diproses dan ditukar ke format digital di sepanjang tahun 2012.

Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan dan Garis Panduan Pendigitalan Koleksi Perpustakaan yang digubal oleh PNM boleh diakses dan dimuat turun dari portal rasmi PNM sebagai panduan dan rujukan kepada semua perpustakaan di Malaysia dalam melaksanakan aktiviti pendigitalan.

Di samping aktiviti pendigitalan, PNM juga telah membangun dan mentadbir urus pelbagai portal/laman web kandungan digital tempatan dalam bidang sejarah, warisan, kebudayaan dan pelbagai bidang perkara khusus yang lain. Jumlah capaian kepada kandungan digital tempatan pada tahun 2012 berjumlah 55,307 capaian. Antara portal/laman web yang mendapat capaian tertinggi ialah Laman web Sejarah Malaysia sebanyak 19,932 capaian, Portal Yang DiPertuan Agong sebanyak 19,612 capaian, Laman web Warisan Budaya Malaysia sebanyak 8,684 capaian.

Perkhidmatan Sumber Elektronik

Portal Sumber Elektronik PNM telah mula diakses pada April 2012 dan ianya boleh dilayari dari laman sesawang PNM (<http://www.pnm.gov.my>) atau terus ke alamat portal ini di <http://www.pnmdigital.gov.my>. Portal sumber elektronik PNM ini telah dilayari oleh 74,353 pelawat di sepanjang tahun 2012. Portal ini menghimpunkan kesemua sumber elektronik yang terdapat di PNM termasuk perkhidmatan pangkalan data yang dilanggan, terbitan PNM / koleksi-koleksi Malaysia terpilih (seperti Manuskrip Melayu, Buku Nadir dan Koleksi Peribadi) yang telah didigitalkan serta pautan capaian kepada sumber-sumber elektronik yang terdapat di dalam dan di luar negara. Antara perkhidmatan pangkalan data yang telah disediakan adalah seperti Encyclopedia Britannica Online, World e-Book Library, Credo Reference, EbscoHost, eBrary, BLIS, Overdrive, Zinio, iGLibrary, Library Pressdisplay dan Emerald.

Perkhidmatan ini boleh diakses oleh seluruh rakyat Malaysia setelah mereka mendaftar menjadi ahli dalam talian. Pendaftaran adalah percuma dan boleh dilaksanakan secara terus dari portal ini. Sehingga akhir tahun 2012, seramai 5,327 orang telah mendaftar sebagai ahli.

Projek Rintis u-Pustaka

PNM telah memperluas jalinan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan di negara ini melalui pelaksanaan Projek Rintis Perpustakaan Ubiquitous (u-Pustaka) iaitu satu inisiatif bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan. Projek Rintis ini yang telah dimulakan sejak tahun 2008 bertujuan untuk menyediakan satu perkhidmatan penyampaian maklumat yang lebih inovatif bagi membolehkan rakyat meneroka maklumat dan mendapatkan perkhidmatan perpustakaan secara dalam talian tanpa sempadan waktu dan lokasi. u-Pustaka memmanifestasikan sinergi kerjasama antara sektor perpustakaan dengan beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta. Perpustakaan yang terlibat dalam projek rintis ini terdiri daripada Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan INTAN Bukit Kiara, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Objektif u-Pustaka adalah untuk menjadikan maklumat dapat dicapai secara fizikal dan digital menerusi perluasan perkhidmatan jalur lebar, teknologi RFID (Radio Frequency Identification) dan portal serta kandungan; merealisasikan kerjasama Sistem Rangkaian Perpustakaan bagi menggalakkan kolaborasi dan perkongsian sumber; dan penajaan, perkongsian dan pertukaran maklumat bagi menggalakkan



Pengguna sedang melayari internet di Zon Siber, PNM.

hubungan komuniti, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan mempererat rangkaian sosial di kalangan rakyat Malaysia.

Pembangunan u-Pustaka melibatkan penyepaduan tujuh (7) komponen iaitu prasarana jalur lebar; Portal u-Pustaka; perkhidmatan pinjaman secara terus menerusi pengintegrasian Sistem Pengurusan Perpustakaan dan teknologi RFID, saluran penghantaran buku melalui Pos Malaysia, pembayaran tanpa tunai serta akses kepada kandungan tempatan dan antarabangsa dalam bentuk fizikal dan digital. Katalog Induk Kebangsaan yang telah dibangunkan oleh PNM pada tahun 2006 menjadi salah satu komponen utama dalam pembangunan sistem u-Pustaka manakala Pusat Data di PNM menjadi Pusat Pemulihan Data bagi u-Pustaka. Portal u-Pustaka telah disediakan untuk capaian orang ramai mulai 17 Disember 2010 di alamat www.u-pustaka.gov.my. u-Pustaka telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan pada 31 Mac 2011 di Ruang Pameran Perpustakaan Negara Malaysia.

Sehingga akhir 2012, keseluruhan jumlah ahli berdaftar u-Pustaka adalah sebanyak 324,783 orang ahli. Bagi sepanjang tahun 2012 sahaja, sebanyak 143,583 ahli baru telah dapat didaftarkan. Sebanyak 7,200 transaksi sirkulasi telah berlaku di sepanjang tahun 2012, di mana sebanyak 3,481 buah buku telah dipinjam oleh ahli berdaftar u-Pustaka secara dalam talian. Sepanjang tahun 2012, PNM dan perpustakaan konsortium yang lain telah melaksanakan beberapa siri program dan aktiviti promosi seperti Siri Jelajah u-Pustaka, penglibatan di pelbagai karnival dan lain-lain untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada rakyat mengenai perkhidmatan u-Pustaka.

Bahagian Perkhidmatan Digital

Perkhidmatan Digital merupakan perkhidmatan sumber elektronik dan perkhidmatan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Perkhidmatan yang disediakan meliputi Perkhidmatan Hipermedia Dewasa, Perkhidmatan Pusat Hipermedia Kanak-Kanak, dan Perkhidmatan Siber. Pada tahun 2012, jumlah pengguna Perkhidmatan Digital ialah sebanyak 88,054 orang manakala jumlah bahan yang dirujuk ialah 54,061 naskah, meliputi sumber elektronik, dan bahan digital.

Seramai 13,683 orang pengguna telah dikenalpasti menggunakan Perkhidmatan Hipermedia Dewasa. Antara perkhidmatan yang digunakan ialah capaian kepada koleksi *Interactive Learning*; perkhidmatan audio video; perkhidmatan dalam talian Internet, pangkalan data komersil, laman sosial,

emel dan muat turun maklumat yang dibenarkan serta program tayangan filem tempatan dan televisyen saluran ASTRO seperti National Geographic, ESPN, Animal Planet dan Astro Ceria.

Perkhidmatan Hipermedia Kanak-kanak pula telah menerima 50,793 orang pengguna yang berumur di antara 4 hingga 12 tahun. Antara perkhidmatan yang digunakan ialah kemudahan ICT dan sumber elektronik seperti sudut komputer, sudut muzik dan sudut tayangan/cerita. Selain Pusat Hipermedia Dewasa, perkhidmatan ICT juga ada disediakan di Perkhidmatan Siber. Sebanyak 65 unit komputer berinternet dan enam (6) komputer untuk perkhidmatan kesetiausahaan serta perkhidmatan cetakan disediakan untuk kemudahan pengguna. Selain daripada itu, Bahagian Perkhidmatan Digital juga telah melaksanakan sebanyak 90 aktiviti sepanjang tahun 2012 kepada tiga (3) kategori pengguna iaitu dewasa, remaja dan kanak-kanak. Perincian penyertaan aktiviti adalah seperti jadual di bawah;

AKTIVITI	SIRI	JUMLAH PESERTA
Aktiviti E-Teroka@PNM	12	303 Orang
• Aktiviti Pusat Hipermedia Dewasa	17	268 Orang
• Aktiviti Pusat Hipermedia Kanak-kanak		
• Aktiviti Mari Meneroka Maklumat	10	217 Orang
Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah		
• Kuiz Info Hunt		
• Program Skor A (UPSR, PMR, SPM)		
• Jom Karang Dari Internet		
• Kuiz Eksplorasi Merdeka		
• Rukun Negara		
• Pertandingan Karaoke Kanak-kanak; lagu patriotik		
• Kuiz Tayangan Filem		
• Kuiz 1Malaysia		
• Kuiz Kemerdekaan Dalam Talian		
Aktiviti Sesi Pendidikan Pengguna	28	927 Orang
• Aktiviti bersama Bahagian Khidmat Pelanggan		
• Mempromosi dan tunjuk ajar penggunaan Portal dan Pangkalan Data yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)		
• Peserta adalah pelajar Sekolah Menengah di sekitar lembah Klang yang datang ke PNM		
Aktiviti Sesi Pendidikan Kakitangan	6	85 Orang
• Aktiviti promosi dan latihan kepada kakitangan PNM berkaitan dengan pangkalan data komersil yang disediakan di PNM. Sesi ini bertujuan supaya kakitangan yang bertugas di kaunter dapat memberi maklumat yang tepat kepada pengguna		
Aktiviti Bersama Agensi Luar	6	762 Orang
• Aktiviti kerjasama dengan agensi luar		
Aktiviti Literasi Maklumat (LM)	11	172 Orang
• Bengkel LM peringkat asas iaitu kanak-kanak dan peringkat pertengahan		
JUMLAH	90	2,734 Orang

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PERLIS

Perjawatan

Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis diketuai oleh Pengarah, Pustakawan S41 dengan dibantu oleh seorang pegawai Profesional Gred S41 dan 28 kakitangan sokongan dan 63 kakitangan kontrak/pekerja singkat harian.

Jumlah Aktiviti Atau Program Yang Dilaksanakan Pada Tahun 2012

JENIS PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI
Perpustakaan Negeri	35
Perpustakaan Cawangan	227
Perpustakaan Pekan	68
Perpustakaan Desa	2248
Perpustakaan Bergerak	9
Perpustakaan Kanak-Kanak	53
Jumlah	2640

Pameran

Sepanjang tahun 2012, PNM Perlis telah berjaya melaksanakan 20 siri Pameran dan Kempen Daftar Ahli Perpustakaan yang telah melibatkan sekolah – sekolah dan agensi kerajaan di negeri Perlis. Pameran dalaman sepanjang Januari – Disember 2012 adalah seperti Pameran Permainan Tradisional Negeri Perlis, Pameran Manuskrip Melayu, Pameran Permainan Tradisional dan Kebaya Perlis sempena Festival Negeri Perlis 2012@ Menara KL, Pameran Hari Keputeraan Tuanku Raja Perlis Ke – 69, Pameran Foto Equador “The Sacred Waterfalls” dan Pameran Seni Lukis Inspirasi Alam, Pameran Foto Oddyssey : Perlis to Machu Picchu dan Pameran Ikon Membaca Kebangsaan 2012.

Program-Program Utama PNM Perlis

- Kem Pembangunan Insan Nadi Kecemerlangan (KEM PINK) 2012
- Pesta Buku Perlis 2012@PNM Perlis
- Perhimpunan Bulanan Kerajaan Negeri Perlis Bil. 3/2012
- Lawatan Sambil Belajar ke Hatyai dan Songkla, Thailand
- Majlis Pelancaran Hari Buku dan Hakcipta Sedunia 2012
- Malam Perkhidmatan Awam 2012
- Program Mekar Puisi dan Seronoknya Membaca
- Program Hijrah Minda@Masjid Tuanku Syed Putra, Kangar
- Majlis Perasmian Perpustakaan Masjid Tuanku Syed Putra, Kangar
- Hari Bertemu Pelanggan dan Sambutan Merdeka Raya
- Sukan Jawatankuasa Penyelaras KPKK Negeri Perlis 2012
- Karnival Membaca dan Pelancaran Sistem Ilmu 2012
- Program Pengkisahan Sejarah 2012 “Pahlawanku: Nubari yang terluka”
- Wacana Penulis Perlis : Rejab F.I

Bilangan Perpustakaan Mengikut Jenis

JENIS PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI
Perpustakaan Negeri	1
Perpustakaan Cawangan	3
Perpustakaan Pekan	1
Perpustakaan Desa	37
Perpustakaan Bergerak	3
JUMLAH	45

Statistik

PERPUSTAKAAN	KEAHLIAN		PENGUNJUNG		PENGGUNA PERKHIDMATAN		PINJAMAN BAHAN		PENGGUNA ICT	
	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA
Negeri	606	1313	5347	147039	4813	125130	2090	9753	-	661
Perpustakaan Cawangan	209	314	14106	24474	13063	22628	3682	5712	1137	2557
Perpustakaan Bandar	56	102	2559	7546	2435	7012	983	722	-	785
Perpustakaan Bergerak	462	84	12533	2700	15632	3190	17882	3733	877	1108
Perpustakaan Desa	1103	1231	74085	46139	69008	41324	39436	29200	6847	5045
JUMLAH	2436	3053	108630	227898	104951	199284	64073	49120	8861	10156

Statistik Kumulatif Koleksi Bahan

JENIS PERPUSTAKAAN	JENIS BAHAN PERPUSTAKAAN (UNIT)					
	*BAHAN BERCETAK		BAHAN TIDAK BERCETAK		**BAHAN DIGITAL	
	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA	KANAK-KANAK	DEWASA
Negeri/lbu Pejabat	68249	109831	606	15	2227	3537
Wilayah (Hanya untuk Sabah dan Sarawak sahaja)						
Cawangan	29728				227	304
Pekan (Termasuk yang diurus tadbir oleh Majlis Perbandaran)	9330	36559				
Desa • Urus Tadbir Kerajaan Negeri		9779	6		3	
Bergerak	39953	26554				
Jumlah	147260	192880	612	15	2457	3841

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

MS ISO 9001:2008

Komitmen yang berterusan dalam memacu sinergi pelaksanaan SPK Jabatan pada tahun 2012 terbukti dengan pengekelan Pensijilan MS ISO 9001:2008 yang diiktiraf oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pada tahun 2012, pemantauan dan penilaian berterusan SPK Jabatan dibuat secara sistematik dan komprehensif menerusi pelaksanaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana ISO, Audit Dalaman, beberapa siri kursus dan latihan ISO, penetapan Hari Rabu sebagai Hari Kualiti, pelantikan Pegawai ISO Bahagian dan lain-lain lagi. Elemen-elemen pembaharuan dan penambahbaikan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Jabatan sentiasa diterapkan dan tergambar secara jelas melalui pemantauan objektif kualiti dan aktiviti Sistem Pengurusan Kualiti Bahagian secara suku tahunan, analisa kepuasan pelanggan, keberkesanan prosedur kualiti, pemantauan persekitaran merangkumi aspek

keselamatan, perkhidmatan, kemudahan dan koleksi, pengukuran pencapaian NKRA dan KPI Jabatan, penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan lain-lain lagi.



Aktiviti & Program MS ISO 9001:2008 (Januari - Disember 2012)

TARIKH	PERKARA
26 Jun 29 November	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)
31 Januari 18 April 26 September	Mesyuarat J/K Pelaksana MS ISO 9001:2008
26-27 April	Audit Pemantauan
13-15 Mac 20-22 November	Audit Dalaman
8 Februari	Perjumpaan dengan Pegawai ISO

Program Latihan MS ISO 9001:2008 (Januari – Disember 2012)

TARIKH	NAMA TAKLIMAT / KURSUS / BENGKEL	PESERTA
18 Jan	Taklimat Kesedaran ISO	Semua warga PNM
14 - 15 Feb	Bengkel Teknik Menjawab NCR dan Analisa Punca	Pegawai ISO @ Wakil Bahagian
20 – 21 Mac	Bengkel Fast Track Penambahbaikan SPK	JK Pelaksana ISO/ Timbalan Pengarah/ Ketua Bahagian@Wakil Bahagian
16 – 17 April	Kursus Audit Dalam	Pegawai ISO @ Wakil Bahagian
16 – 17 Mei	Kursus Analisa Data & Keberkesanan MKSP	Setiausaha MKSP
18 Jun	Kursus Pengurusan Dokumen Efektif	Pengurus Dokumen/ Urus Setia BPP
19 Mac 5 Jun	Lawatan Akademi (Melibatkan Pegawai ISO/ wakil Bahagian) i) Petronas Resource Centre ii) Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM	Pegawai ISO dan Wakil Bahagian

Pelantikan Wakil Pengurusan Dan Ketua Sistem Audit Yang Baru

- Cik Nafisah Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah telah dilantik sebagai Wakil Pengurusan (WP) MS ISO Jabatan berkuatkuasa 3 September 2012.
- Encik Dahlan Samad, Timbalan Pengarah BKNP telah dilantik sebagai Ketua Sistem Audit MS ISO Jabatan berkuatkuasa 5 Oktober 2012.

Perluasan Skop MS ISO 9001:2008

Tujuh (7) Prosedur Perluasan Skop MS ISO 9001:2008 telah diluluskan oleh Ketua Pengarah pada 4 Disember 2012 dan pelaksanaan perluasan skop berkuatkuasa sepenuhnya bermula pada 17 Disember 2012.

BAHAGIAN TERLIBAT	PROSEDUR
BKNP & BRP	Prosedur Khidmat Nasihat & Perundingan PNM.PK(S).07
BPDK	Prosedur Pengurusan Publisiti Media Massa PNM.PK(S).08 Prosedur Maklum Balas Pelanggan, Media dan Parlimen PNM.PK(S).02
BPenerbitan	Prosedur Penerbitan Jabatan PNM.PK(S).09
BPP	Prosedur Pengumpulan Statistik Perpustakaan di Malaysia PNM.PK(S).10
BGLM	Prosedur Pengurusan Program Galakan Membaca PNM.PK(S).10

Sambutan Hari Inovasi KPKK 2012

Sambutan Hari Inovasi Peringkat KPKK telah diadakan pada 30 Oktober 2012 hingga 1 November 2012 bertempat di Jabatan Muzium Malaysia. Majlis Pelancaran akan diadakan pada 1 November 2012, jam 8.00 pagi – 12.00 tengah hari, bertempat di Auditorium, Jabatan Muzium Negara Malaysia.

Bersempena dengan majlis ini, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) turut diadakan pada 30 – 31 Oktober 2012 dan PNM telah diwakili oleh Kumpulan 1PMU dengan tajuk projek “Kesukaran Menjawab Pertanyaan Umum di Kaunter Perkhidmatan”.

PNM turut mengambil bahagian dalam Pertandingan Pameran Inovasi dengan mengetengahkan informasi berkaitan sumber elektronik dan inisiatif digital yang disediakan Jabatan.

PROGRAM UTAMA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Program Galakan Membaca

Seiring dengan misi PNM iaitu menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, Jabatan telah merekodkan sebanyak 38,621 program / aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2012. Jalinan kerjasama terus diadakan dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Khusus / Skim Gunasama, Perpustakaan Desa, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkanun dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs). PNM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT
14 Januari	Kembara Jalur Lebar dan Galakan Membaca 1Malaysia	Perpustakaan Desa Kampung Lubok Redan, Melaka
1 – 6 Februari	Aktiviti Galakan Membaca sempena 1Malaysia Book Expo2012@PWTC	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
8 Mac	Majlis Perasmian Sudut Malaysia sempena Syarahan Umum YB Menteri Penerangan Komunikasi Dan Kebudayaan di Universitas Indonesia	Auditorium Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia
10 Mac	Karnival Membaca 1Malaysia Perpustakaan Desa Kampung Gagu	Perpustakaan Desa Kampung Gagu, Jelebu, Negeri Sembilan
2 April	Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah	Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah
30 April	Program Mari Membaca 1Malaysia: Baca@ Sayong sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2012	Auditorium KISDAR, Kuala Kangsar, Perak
29 April	Karnival Membaca 1Malaysia Sempena Program Juara Rakyat Dun Kuala Sentul	Dewan Orang Ramai Jengka 4, Maran, Pahang Darul Makmur
14 Mei	Majlis Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyemarakan Kempen Nilai-Nilai Murni 1Malaysia	PNM
19 – 20 Mei	Program Wacana Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI)	PNM
4 Jun	Program Mari Membaca 1Malaysia: Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan Siri 1/2012	Stesen Sentral Kuala Lumpur ke Stesen Sentral Johor Bahru
9 Jun	Mari Membaca 1Malaysia: Bacalah...Kamu Masih Di Hati	Jabatan Radioterapi dan Onkologi, HKL
14 – 15 Jun	Pameran Dan Aktiviti Galakan Membaca Sempena I Love Msu Library	Perpustakaan dan Pusat Sumber Maklumat, MSU, Shah Alam, Selangor
31 Julai	Program Galakan Membaca di SJK (T) St. Joseph	SJK (T) di St. Joseph, Sentul, Kuala Lumpur
15 September	Program Literasi Maklumat YKP – PNM	Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya

8 September – 3 November	Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS dan Bengkel Literasi Maklumat	SMK Tunku Putra, Langkawi, Kedah; SK Jalan Residensi, Georgetown, Pulau Pinang; SMK Bukit Kepayang, Seremban, Negeri Sembilan; SMK Arau, Arau, Perlis; SMK Padang Midin, Kuala Berang, Terengganu; SMK Padang Midin, Kuala Berang, Terengganu; SMK Tok Muda Abdul Aziz, Sungai Siput, Perak; SMK Dato' Sri Amar DiRaja, Muar, Johor; SMK Ghafar Baba, Masjid Tanah, Melaka
24 – 27 September	Supplementary Reading Programme MOE-OGFICE: Kem 'Refolife' 2012	Kuching ParkHotel dan Pustaka Negeri Sarawak
25 Oktober	Pameran dan Aktiviti Galakan Membaca sempena Majlis Sambutan Minggu Bahasa Melayu	Sekolah Antarabangsa St. John (SJIS) Jalan Bukit Nanas, Kuala Lumpur
24 November	Program Wacana Ilmu: Telusuri Kegemilangan Melayu Menerusi Naskhah Lama Dan Artifak	PNM



Program Bacalah...Kamu Masih Dihatiku pada 2 April 2012 di Penjara Pusat, Kota Kinabalu, Sabah.

Program Pembudayaan Tulisan Jawi

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menjalankan semua program Pembudayaan Tulisan Jawi di peringkat Jabatan dan kebangsaan bertujuan memartabat dan menyemarakkan semula tulisan Jawi di kalangan masyarakat Malaysia. Program dan aktiviti Pembudayaan Tulisan Jawi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

Tajaan Rancangan Klinik Jawi@IKIMfm

Perpustakaan Negara Malaysia telah menaja Rancangan Klinik Jawi di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm) mulai 2 Jun 2012 sebanyak 39 episod disiarkan bertujuan mendidik para pendengar menguasai tulisan Jawi. Melalui sesi pengajian yang tidak formal ini, para pendengar dibimbing melalui modul Klinik Jawi yang boleh dimuat turun melalui laman portal PNM. Rancangan yang bersiaran setiap Sabtu, jam 10.00 pagi selama 15 minit dikendalikan oleh Penyampai Radio Encik Muhammad Suffian Amrin dan Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad Pegawai Perancang Bahasa daripada Dewan Bahasa dan Pustaka. Majlis pelancaran dan sidang media Klinik Jawi telah diadakan pada 7 Jun 2012 yang disempurnakan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Sehingga 31 Disember 2012, sebanyak 25,104 kali transaksi telah dilakukan oleh orang ramai bagi memuat turun modul Klinik Jawi melalui portal rasmi PNM.

Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah menganjurkan Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 pada 18 – 20 Oktober 2012 bertempat di Pusat Dagangan Terengganu (TTC), Kuala Terengganu. Program yang berlangsung selama tiga (3) hari mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam dengan pengisian 21 aktiviti meliputi persembahan pentas, wacana, bengkel, pertandingan dan 59 gerai meliputi pameran daripada agensi-agensi kerajaan dan jualan pelbagai produk tempatan. Aktiviti yang diadakan di karnival ialah seperti Mari Eja Jawi Bersama Ustaz Zamri, Bijak Jawi Bersama Utusan Publications, Pertandingan Membaca Naskah Jawi Lama, Pertandingan Sahibba Jawi, Bicara Buku Bersama Fatima Sharha, Cinta Jawi Bersama Ustaz Syed Tuan Mohd Norhisyam, Bengkel Khat Bersama Persatuan Khat Terengganu, Wacana Manuskrip Melayu dan pelbagai lagi. Seramai 10,385 orang daripada pelbagai peringkat umur telah mengunjungi Karnival sepanjang 3 hari ia berlangsung.

Pertandingan Mengarang Pantun Jawi Peringkat Kebangsaan 2012

Pertandingan Mengarang Pantun Jawi Peringkat Kebangsaan 2012 anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah diadakan pada 17 September 2012 dan berakhir pada 30 November 2012. Pertandingan ini diadakan bertujuan menjelma pemikiran murni masyarakat dalam penulisan pantun yang puitis dan indah, di samping mengangkat budaya penulisan Jawi melalui pertandingan pantun moden yang kreatif. Tema "Tulisan Jawi Citra Keunggulan Budaya Melayu" telah menarik seramai 765 penyertaan daripada seluruh Malaysia. Hadiah keseluruhan yang ditawarkan ialah sebanyak RM12,600.00 yang merangkumi Kategori Terbuka, Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah.

Pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi Peringkat Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)

Perpustakaan Negara Malaysia telah diberi tanggungjawab sebagai penyelaras Pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi peringkat saringan bagi semua agensi di bawah Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang diadakan di PNM pada 3 Disember 2012. Seramai 36 orang peserta daripada 11 agensi KPKK terlibat dalam pertandingan yang diadakan. Seramai tujuh (7) orang peserta terbaik telah dipilih mewakili KPKK dalam pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi di Peringkat Kebangsaan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur yang diadakan pada 11 Disember 2012. Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Sahibba dan Pantas Jawi Peringkat KPKK ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Sri Kamaruddin Siaraf, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan.

Aktiviti Semarak Jawi

Aktiviti Semarak Jawi yang berkonsep *edutainment* seperti Bina Kata Jawi, Gali Kata Jawi, Pantas Jawi, Pintar Jawi, Silang Kata Jawi, Minda Jawi, Demonstrasi Seni Khat, Susun Atur Huruf Jawi, Jawikan Petikan, Mencari Kesilapan Ejaan dan Uji Pengetahuan Jawi Anda diadakan bagi menyemarakkan budaya tulisan Jawi bersama Program Galakan Membaca PNM, agensi luar dan NGO. Sepanjang 2012, sebanyak 11 aktiviti telah diadakan iaitu pada 14 Januari, 1 – 6 Februari, 10 Mac, 1 April, 27 April – 6 Mei, 6 Mei, 12 – 16 Mei, 29 Jun dan 7 – 28 Julai 2012 dengan penglibatan 5,300 orang peserta di pelbagai peringkat umur.



Atas: Pertandingan Khat Jawi sempena Karnival Semarak jawi Kebangsaan 2012 di Pusat Dagangan Terengganu pada 20 Oktober 2012.



Atas: Sidang Media Klinik Jawi@IKIMfm pada 7 Jun 2012 di Perpustakaan Negara Malaysia.



Atas: Majlis Perasmian Karnival Semarak Jawi Kebangsaan 2012 Oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Pusat Dagangan Terengganu pada 18 Oktober 2013.

RINGKASAN STATISTIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2010 – 2012


PARAMETER	TAHUN 2010	TAHUN 2011	TAHUN 2012
KEAHLIAN BERDAFTAR	56,676	78,272	62,038
• Kanak-kanak	9,068	6,067	6,253
• Dewasa	47,608	72,196	55,785
PENGUNJUNG	464,317	423,166	420,171
• Kanak-kanak	121,899	84,917	72,120
• Dewasa	342,418	338,249	348,051
PINJAMAN KOLEKSI	776,347	1,034,517	1,346,450
• Kanak-kanak	375,866	548,674	807,418
• Dewasa	400,481	485,843	539,032
PENGGUNA PERKHIDMATAN	303,355	274,665	291,317
• Maklumat Malaysiana	99,124	119,757	144,652
• Maklumat Umum	47,235	59,216	55,819
• Digital	62,141	57,931	65,476
• Manuskrip Melayu	205	283	246
• Pakar Maklumat	24,656	4,345	2,546
• Zon Siber	69,994	33,133	23,578
PENGGUNA PERKHIDMATAN ATAS TALIAN	6,443,690	8,265,580	8,757,471
• MyLib	6,246	8,824	28,961
• Web Portal	914,799	960,405	1,257,019
• Katalog Induk Kebangsaan	4,089,895	6,289,143	5,852,442
• OPAC/ Chamo	1,093,787	802,575	1,514,057
• Portal Inistif Digital	315,486	188,302	85,761
• Lain-lain Perkhidmatan	-	33,133	19,231
PEROLEHAN KOLEKSI	272,857	296,908	281,704
• Akta Penyerahan Bahan	179,864	192,733	201,773
• Pembelian	89,617	100,804	76,834
• Hadiah dan Pertukaran	3,376	3,371	3,097

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Statistik Keahlian Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2012



TAHUN	KATEGORI KEAHLIAN (ORANG)		JUMLAH
	KANAK-KANAK	DEWASA	
2010	9,068	47,608	56,676
2011	6,067	72,196	78,272
2012	6,253	55,785	62,038
KUMULATIF	155,914	906,403	1,062,316
PERATUS (%)	14.7	85.3	100

Keahlian PNM

+5.8%**61.7%** keahlian mendaftar di premis PNM.**38.3%** daftar keahlian melalui kempen keahlian PNM di 99 lokasi.

Statistik Pengunjung Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2012

TAHUN	KATEGORI PENGUNJUNG (ORANG)		JUMLAH
	KANAK-KANAK	DEWASA	
2010	121,899	342,418	464,317
2011	84,917	338,249	423,166
2012	72,120	348,051	420,171
PERATUS (%) 2012	17.2	82.8	100




111 Kumpulan rombongan ke PNM sepanjang tahun 2012.

4,470 orang ahli rombongan.

Statistik Pengguna Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2012

TAHUN	PENGGUNA PERKHIDMATAN (ORANG)						JUMLAH
	MAK. MSIANA	MAK. UMUM	DIGITAL	MSKRIP MELAYU	PAKAR MAK.	ZON SIBER	
2010	99,124	47,235	62,141	205	24,656	69,994	303,355
2011	119,757	59,216	57,931	283	4,345	33,133	274,665
2012	144,652	55,819	65,476	246	2,546	23,578	291,317
(%) 2012	49.6	19.2	22.1	0.1	0.9	8.1	100




PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

Statistik Pinjaman Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2012

TAHUN	KATEGORI KOLEKSI DIPINJAM (NASKHAH)		JUMLAH
	KANAK-KANAK	DEWASA	
2010	375,866	400,481	776,347
2011	548,674	485,843	1,034,517
2012	807,418	539,032	1,346,450
PERATUS (%) 2012	60.0	40.0	100

30.2%




80,722 jumlah pembaca PNM pada tahun 2012.

Penggunaan Perkhidmatan Atas Talian Perpustakaan Negara Malaysia 2010 – 2012

6%

TAHUN	PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (HITS/ PAGE VIEW)						JUMLAH
	MYLIB	WEB PORTAL	KIK	OPAC/ CHAMO	INISIATIF DIGITAL	LAIN-LAIN	
2011	8,824	960,405	6,289,143	802,575	188,302	33,133	8,265,580
2012	28,961	1,257,019	5,852,442	1,514,057	85,761	19,231	8,757,471
(%) 2012	0.3	14.4	66.8	17.3	1.0	0.2	100




Statistik Perolehan Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia 2010-2012

TAHUN	KAEDAH PEROLEHAN KOLEKSI (unit)			JUMLAH
	AKTA 331	PEMBELIAN	HADIAH	
2010	179,864	89,617	3,376	272,857
2011	192,733	100,804	3,371	296,908
2012	201,773	76,834	3,097	281,704
(%) 2012	71.6	27.3	1.1	100



5.1%



24,820 jumlah permohonan ISBN tahun 2012.

353 jumlah permohonan ISSN tahun 2012.

PAMERAN

Pameran merupakan salah satu aktiviti yang menyumbang kepada pertambahan pengunjung ke PNM. Pada tahun 2012, Perpustakaan Negara Malaysia telah berjaya melaksanakan lapan (8) pameran dengan kerjasama institusi lain seperti Pejabat Kedutaan Ireland, Pusat Sumber Transplan Nasional dan sebagainya seperti di bawah:



Atas: YBhg Dato' Rasiin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM ketika melawat pameran selepas Majlis Perasmian Hari Buku Sedunia 2012 pada 23 April – 7 Mei 2012.

Kiri: Pameran Pejuang Bangsa di PNM pada 8 – 31 Oktober 2011.

TARIKH	TAJUK PAMERAN	TEMPAT	ANJURAN
Januari – Mac	Pameran 'Sejuta Tinta..Sejuta Karya Wajah-wajah Penulis Malaysia'	Dewan Pameran, PNM	PNM
Mac	Pameran 'Winners of the Dublin Literacy Award for Young Malaysians (2006-2009 & 2011)'	Dewan Pameran, PNM	PNM / Pejabat Kedutaan Ireland
23 April – 7 Mei	Menara Buku dan Pameran Buku-Buku Popular dan Terlaris	Dewan Pameran, PNM	PNM
6 – 16 Jun	Pameran Makan Sihat Mencegah Obesiti	Dewan Pameran, PNM	PNM
1 – 31 Julai	Pameran 'Kenali dan Cintai Khazanah Ilmu: Koleksi Nadir dan Manuskrip Melayu'	Dewan Pameran, PNM	PNM
15 Ogos – 1 Oktober	Pameran 'Bicara Pejuang Bangsa'	Dewan Pameran, PNM	PNM
8 – 31 Oktober	Pameran sempena Minggu Kesedaran Pendermaan Organ	Dewan Pameran, PNM	PNM / Pusat Sumber Transplan Negara
23 Disember	Pameran 'Kekejaman Zionis Israel Di Bumi Gaza'	Dewan Pameran, PNM	PNM

LAWATAN

PNM mengendalikan lawatan berpandu atas permintaan yang diterima dari dalam dan luar negara.

Lawatan Dalam Negeri

Sepanjang tahun 2012, Perpustakaan Negara Malaysia telah menguruskan 95 lawatan rasmi dan berpandu dalam negeri. Seramai 4,288 orang pelawat dari dalam negeri telah diterima dari pelbagai agensi seperti jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi, sekolah dan orang awam.

Lawatan Berpandu Dalam Negara Sepanjang Tahun 2012

TARIKH	LAWATAN
19 Januari	Bahagian Audit Dalam dan Siasatan Am, Kementerian Pertahanan Malaysia
	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah
26 Januari	Pilih Kasih 3 (Suhan Movies)
27 Januari	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan
9 Februari	Perpustakaan Desa Kg Sepinang, Segamat
21 Februari	Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu
24 Februari	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM)
8 Mac	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
	SMK Agama Sultan Ismail
8 Mac	Kelab Anak-Anak Sik Kedah
10 Mac	Bilik Bacaan Temenggong Segamat, Johor
11 Mac	Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuantan
13 Mac	Sek. Keb. Sri Jelok, Selangor
13 Mac	SMK Kuala Kubu Bharu
27 Mac	SMK Agama Sultan Ismail

29 Mac	Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia
30 Mac	Sek. Keb. Seri Kemaman, Terengganu
4 April	UiTM Shah Alam
6 April	UiTM Perak
6 April	SMK Convent Muar, Johor
10 April	SMK Paduka Tuan Jalan Genuang, Johor
12 April	Universiti Malaysia Sabah
18 April	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
19 April	Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan
19 April	Sekolah Islam Adni, Selangor
24 April	UiTM Shah Alam (CITU)
24 April	Pusat Jagaan Funkids, KL
25 April	SMK Chalok Model Khas, Terengganu
27 April	Sek. Men. Sains Sultan Iskandar, Johor
27 April	SMK Sri Tanjung, Johor
2 Mei	Sek. Men. Teknik Pertanian Chenor, Pahang
2 Mei	SMK Dato' Abdul Rahman Ya'kub, Melaka
2 Mei	Sek. Keb. Tempoyang, Pahang
3 Mei	Maktab Rendah Sains MARA Langkawi
3 Mei	Sek. Keb. Alai, Melaka
4 Mei	SMK Methodist (ACS), Kampar, Perak
23 Mei	Politeknik Kota Kinabalu, Sabah
24 Mei	SMK Jalan Reko, Kajang, Selangor
29 Mei	SMJK Chong Hwa, Kuala Lumpur
29 Mei	Sek. Keb. Taman Paroi Jaya, Negeri Sembilan
30 Mei	SMK Datuk Menteri, Johor
7 Jun	SMJK Heng Ee, Pulau Pinang
8 Jun	SMK Horley Methodist, Perak
13 Jun	Sek. Keb. Jln Tanjung, Teluk Panglima Selangor
15 Jun	SMJK Katholik, Melaka
25 Jun	Penyelia Sek. Men. Agama Perak (Kinta Utara)
26 Jun	Sek. Keb. Bandar Baru Batang Kali, Selangor
27 Jun	SMK Bukit Mendi, Pahang

4 Julai	Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Petaling
6 Julai	Jabatan Agama Islam Negeri Perak
6 Julai	Jabatan Agama Islam Negeri Perak
11 Julai	SMK Aminuddin Baki, KL
13 Julai	Taman Didikan Kanak-Kanak Sepakat, Selangor
9 Julai	Majlis Daerah Subis, Sarawak
15 Julai	Sek.Men.Tahfiz Al-Quran(JAIM) Chenderah,Melaka
14 Ogos	Perpustakaan Kuala Lumpur
30 Ogos	SMK Danau Kota, Kuala Lumpur
11 September	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perlis
12 September	Smart Readers Kids Gombak Ria
15 September	Sek Keb Dusun Kuala Berang, Terengganu
18 September	Perpustakaan Tun Razak, Majlis Bandaraya Ipoh
19 September	SK Bandar Pontian, Johor
21 September	Institut Pendidikan Guru Pulau Pinang
25 September	Perpustakaan Tun Razak, Majlis Bandaraya Ipoh
28 September	SK Pinang Tunggal, Kedah
2 Oktober	Politeknik Port Dickson
2 Oktober	UNISEL
3 Oktober	SK Ketengah Jaya Kemaman, Terengganu
12 Oktober	Puan Rozalinna & 4 orang
17 Oktober	SMK Seri Intan, Johor
18 Oktober	Tadika Islam An Najwa
19 Oktober	UiTM Kedah
19 Oktober	SMK Pengkalan Lebai Man, Kedah
23 Oktober	Tadika Raudhah Ibn Khatir, Selangor
24 Oktober	Bahagian Teknologi Pendidikan Terengganu
24 Oktober	SMK Dato' Mohd Said
25 Oktober	Majlis Perbandaran Alor Gajah Melaka

30 Oktober	SK Serting 3 (F), N9
30 Oktober	SK Demit, Kelantan
2 November	International Islamic University Malaysia
2 November	SK (LKTP) Kemasul, Pahang
4 November	SJK(C) Sin Bin, Pulau Ketam
7 November	KFCH International College
7 November	SK Taman Setia Gombak
8 November	PD Sungai Balang, Johor
8 November	SK Seksyen 9 Kota Damansara, Selangor
9 November	SK Felda Kahang Barat, Johor
10 November	Maktab Rendah Sains MARA Kubang Pasu, Kedah
17 November	Kem Latihan Khidmat Negara(PLKN), Kem Millennium Beranang
20 November	Unit Pengajian Am Kolej Komuniti Sungai Petani, Kedah
20 November	Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor
21 November	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka
30 November	UiTM MARA Machang Kelantan
4 Disember	Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya
6 Disember	Perpustakaan KEMANTAH



Sesi bergambar sempena lawatan khas daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam pada 21 Mei 2012 di PNM.

Lawatan Luar Negara

Seramai 414 orang pelawat dalam 18 rombongan lawatan khas dari luar negara telah dijalankan sepanjang tahun 2012. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menerima lawatan dari pelbagai institusi seperti Islamic Manuscripts

Association (TIMA), Cambridge Board Members, Library of Congress, Amerika Syarikat, Universitas Pendidikan Indonesia, British Library, Duta Kazakhstan, Kedutaan Kazakhstan dan sebagainya. Pendedahan awal yang diberikan kepada delegasi adalah berkaitan dengan latar belakang PNM, pembangunan perpustakaan dan perkhidmatan yang disediakan.



Puan Chin Loy Jyoon sedang memberikan taklimat kepada pelawat daripada Philippines Association of Academic and Research Librarians pada 31 Oktober 2012.

TARIKH LAWATAN	PERSATUAN / ORGANISASI / NEGARA
3 Februari	Islamic Manuscripts Association (TIMA), Cambridge Board Members
25 Februari	Pustakawan dari Iran
4 Mac	Attache Kedutaan Kazakstan
27 Mac	Dr. Barbara B Tillet, <i>Chief Policy & Support Office</i> dari <i>Library of Congress</i> , Amerika Syarikat
17 May	Pengarah Perpustakaan Awam Bangladesh
29 Mei	Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung, Indonesia
7 Jun	Kementerian Pelajaran Korea Selatan
7 Jun	Pustakawan Hong Kong
18 Jun	Kunjungan Hormat Duta Kazakhstan, Kedutaan Kazakhstan
29 Jun	Courtesy Visit from Singapore Delegates
4 Julai	National Library of Indonesia
3 September	OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference Delegates
28 September	Dr. Annabelle Teh Gallop, British Library, London
31 Oktober	<i>Philippines Association of Academic and Research</i>
27 November	Delegasi Kerajaan Iraq (Royal Air Force)
30 November	National Library of the Republic of Kazakhstan
13 Disember	Delegasi Kerajaan Iraq (Royal Air Force)
18 Disember	<i>Shanghai Municipal Archives Bureau</i>

KERJASAMA PERPUSTAKAAN

Peringkat Kebangsaan

Kementerian Pelajaran Malaysia

PNM telah terlibat dalam program galakan membaca luar bandar Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Kem *Supplementary Reading Programme (SRP) : Kem 'ReFoLife' 2012*. Penganjur bersama program ini ialah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan *Osaka Gas Foundation for International Cultural Exchange (OGFICE)* dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia, Pustaka Negeri Sarawak dan Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2012 (4 hari 3 malam) dan bertempat di: Kuching Park Hotel (24-27 September 2012) dan Pustaka Negeri Sarawak (26 September 2012). Kem SRP merupakan program anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan *Osaka Gas Foundation for International Cultural Exchange (OGFICE)* dalam bidang pendidikan dan dilaksanakan di Sarawak mulai 2004. Kem SRP disasarkan kepada sekolah luar bandar / pedalaman terpilih. Pelbagai aktiviti dijalankan untuk pelajar-pelajar menikmati kemudahan / pengalaman seperti pelajar di bandar.

Selain itu, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama PNM juga telah terlibat dalam sambutan Minggu *Education for All (EFA)* yang telah diadakan pada 6 Mei 2012 di Lorong Haji Taib 3, Kuala Lumpur. Program Minggu EFA ini telah disasarkan kepada 500 orang kanak-kanak dan remaja gelandangan yang berumur antara satu (1) bulan hingga 17 tahun di kawasan Chow Kit dan sekitar Bandaraya Kuala Lumpur untuk menarik minat golongan ini kembali ke sekolah dengan tema '*Childhood Care and Education*'.

Kementerian Pengajian Tinggi

PNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan Pertandingan Mengarang Pantun Jawi Peringkat Kebangsaan 2012. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah dan golongan dewasa dengan tema '*Tulisan Jawi Citra Keunggulan Budaya Melayu*'.

Pejabat Kedutaan Ireland di Malaysia

Pejabat Kedutaan Ireland di Malaysia telah bekerjasama dengan PNM menganjurkan '*9th Dublin Literary Award for Young Malaysians 2012*' pada 5 Mac 2012 di PNM yang disempurnakan oleh YB Senator Datuk Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri KPKK. Pertandingan penulisan esei bahasa Inggeris kali kelapan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah berumur antara 14 hingga 18 tahun di Malaysia.

Pustaka Negeri Sarawak

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama PNM, Pustaka Negeri Sarawak dan Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd telah terlibat dalam program galakan membaca luar bandar melalui Kem *Supplementary Reading Programme (SRP) : Kem 'ReFoLife' 2012*. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2012 di Kuching Park Hotel dan Pustaka Negeri Sarawak pada 26 September 2012.

Dewan Bahasa dan Pustaka

PNM dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan Pertandingan Mengarang Pantun Jawi Peringkat Kebangsaan 2012. Pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah dan golongan dewasa dengan tema '*Tulisan Jawi Citra Keunggulan Budaya Melayu*'.

Hospital Kuala Lumpur

Program Mari Membaca 1Malaysia: Bacalah...Kamu Masih Di Hati telah diadakan pada 9 Jun 2012 (Sabtu) bertempat di Jabatan Radioterapi dan Onkologi, HKL. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh YBhg Datin Margaret D'Cruz, isteri Timbalan Menteri KPKK.

Program ini merupakan program anjuran Biro Wanita People's Progressive Party (PPP) dan disokong oleh Pejabat Timbalan Menteri KPKK melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur (HKL). Program ini diadakan khusus bagi memberi peluang kepada para pesakit untuk memperolehi pelbagai sumber bahan bacaan sekaligus membantu meningkatkan motivasi diri.

Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah

Program ini telah dilaksanakan pada 2 April 2012 di Penjara Pusat Kota Kinabalu, Sabah dan merupakan kali ketiga selepas kejayaan menganjurkan program yang sama pada tahun 2012 di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka dan 2011 di Sekolah Intergriti Sungai Petani, Kedah. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Penjara Malaysia dan PNM. Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Wira Hj. Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia. Seramai 500 orang jemputan telah hadir sepanjang program berlangsung.

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

PNM dengan kerjasama Stesen Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm) untuk melaksanakan program klinik jawi menerusi stesen radio. Program ini dilaksanakan bagi menyediakan ruang untuk masyarakat Malaysia mengikuti sesi pembelajaran tulisan jawi secara tidak formal. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM pada 7 Jun 2012 di PNM.

Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) / Persatuan Karyawan Perak

Program Mari Membaca 1Malaysia: Baca@ Sayong sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia anjuran bersama Kolej Islam Darul Ridzuan, Perak (KISDAR) dan PNM (PNM) dengan kerjasama Persatuan Karyawan Perak (Karyawan PK) telah diadakan pada 30 Mei 2012 di KISDAR dan Jeti Lembah serta Restoran D' Persisiran Sayong, Kuala Kangsar, Perak. Program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mohammad Zahir bin Abdul Khalid, Exco Kerajaan Negeri Perak bertempat di Auditorium KISDAR, Kuala Kangsar, Perak. Seramai 300 orang jemputan telah hadir sepanjang program berlangsung. Objektif program ini ialah untuk meningkatkan kesedaran komuniti terhadap kepentingan membaca, membudayakan membaca dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat di daerah Kuala Kangsar serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu dalam kalangan warga Malaysia.

Pusat Sumber Transplan Nasional (NTRC)

PNM dengan kerjasama Pusat Sumber Transplan Nasional telah menganjurkan sambutan Minggu Kesedaran Pendermaan Organ yang telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Dr Azmi Shapie, Pengarah Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 Oktober 2012 di PNM. Minggu Kesedaran Pendermaan Organ 2012 itu yang telah bermula 13 Oktober hingga 19 Oktober 2012 ini merupakan kempen anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memupuk kesedaran masyarakat untuk berdaftar sebagai penderma organ.

Persatuan Pustakawan Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) adalah persatuan ikhtisas yang dianggotai oleh pegawai ikhtisas dan institusi yang terlibat dengan profesyen kepustakawanan. YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia yang juga merupakan mantan Yang DiPertua menganggotai Majlis PPM bagi penggal 2012 – 2014.

Yayasan Kepimpinan Perdana

Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK), PNM dan Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Ikon Membaca Kebangsaan dan Penyemarakan Kempen Nilai-nilai Murni 1Malaysia pada 14 Mei 2012 di Dewan Pameran, PNM yang disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Seramai 1,500 orang tetamu telah hadir ke majlis tersebut.

PNM dan YKP juga telah menganjurkan Program Literasi Maklumat pada 15 September 2012 bertempat di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Tema program pada kali ini ialah 'Melakar Sejarah Untuk Masa Depan'. Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah ini telah disempurnakan oleh Cik Nafisah binti Ahmad, Timbalan Ketua Pengarah PNM.

Keretapi Tanah Melayu Berhad

Program Mari Membaca 1Malaysia: Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan Siri 1/2012 yang telah diadakan pada 4 Jun 2012 (Isnin) melibatkan perjalanan Keretapi Sinaran Sutera dari Stesen Sentral Kuala Lumpur ke Stesen Sentral Johor Bahru. Seramai 300 orang telah menyertai program ini. Bersempena dengan program ini, YB Senator Datuk Dennis Maglin Dennis D'Cruz, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Bank Buku bertempat di Stesen Sentral Johor Bahru. Bank Buku ini merupakan Bank Buku keempat yang disediakan oleh PNM.

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd (UP&D)

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama PNM, Pustaka Negeri Sarawak dan Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd telah terlibat dalam program galakan membaca luar bandar melalui Kem *Supplementary Reading Programme (SRP) : Kem 'ReFoLife' 2012*. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2012 di Kuching Park Hotel dan Pustaka Negeri Sarawak pada 26 September 2012.

Selain itu, PNM juga bekerjasama dengan Utusan Publications dengan menganjurkan Bengkel Meningkatkan Kemahiran Bahasa Inggeris melalui pembacaan pada 28 September 2012

di PNM. Bengkel ini bertujuan mencungkil dan mengasah bakat murid-murid bagi mempelajari bahasa Inggeris dengan cara yang mudah dan santai ke arah meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

Berita Harian Sdn Bhd

Pesta Pendidikan Berita Harian Eksplorasi DMS 2012 dan Bengkel Literasi Maklumat buat julung kalinya telah dianjurkan oleh Jabatan Pengedaran dan Unit Pendidikan Berita Harian dengan kerjasama PNM bersempena dengan sambutan ulang tahun Berita Harian yang ke 55. Program ini menyasarkan penyertaan kepada warga sekolah khususnya dan masyarakat umum di seluruh Malaysia.

Pasukan Eksplorasi DMS telah turun ke lokasi-lokasi terpilih seluruh negara bagi meraikan *'The Power of Knowledge in DMS'* dengan pelbagai pengisian aktiviti menarik dan program ini turut mendapat sokongan dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Berita Publishing Sdn Bhd

Berita Publishing Sdn Bhd telah bekerjasama dengan PNM untuk mengedarkan sebanyak 10,000 naskhah majalah / buku terbitan Berita Publishing ke semua perpustakaan awam negeri dan perpustakaan desa seluruh negara. Penyerahan bahan ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dan menyebarkan pengetahuan kepada semua lapisan masyarakat dan menambah bahan bacaan di perpustakaan. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YBhg Dato' Mohd Bisharuddin Mohd Noor Basha, Pengerusi Berita Publishing Sdn Bhd pada 10 Ogos 2012 di PNM.

Osaka Gas Foundation for International Cultural Exchange (OGFICE)

Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama PNM, Pustaka Negeri Sarawak dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd telah terlibat dalam program galakan membaca luar bandar melalui Kem *Supplementary Reading Programme (SRP) : Kem 'ReFoLife' 2012*. Program ini telah berlangsung pada 24 hingga 27 September 2012 di Kuching Park Hotel dan Pustaka Negeri Sarawak pada 26 September 2012.

Kelab Merdeka Muda Kuala Lumpur dan Selangor (KeMUDA)

Program Wacana Ilmu: Telusuri Kegemilangan Melayu Menerusi Naskhah Lama dan Artifak merupakan anjuran kerjasama Kelab Merdeka Muda Kuala Lumpur dan Selangor (KeMUDA) dan PNM yang telah diadakan pada 24 November 2012 di Aras 2, Auditorium, PNM. Program ini telah disempurnakan

oleh YBhg Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 300 orang tetamu telah memeriahkan program ini. Ia merupakan penerusan usaha menyampaikan maklumat dan memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya golongan Intelektual Melayu. Program kali ini adalah unik kerana di setiap perbincangan dan maklumat disampaikan dibuktikan dengan artifak serta fakta yang akan dibentangkan semasa sesi wacana.

Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)

PNM dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah menganjurkan Program Literasi Maklumat dan Media di sekolah-sekolah sekitar Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang. Program ini merupakan program motivasi dan bengkel literasi maklumat untuk pelajar sekolah menengah sebelum menghadapi peperiksaan.

Persatuan Penulis-Penulis Tamil Malaysia (PPTM)

PNM dengan kerjasama Persatuan Penulis-Penulis Tamil Malaysia (PPTM) telah menganjurkan Program Mari Membaca 1Malaysia : Ore Malaysia Vaasikka Vaarunggal pada 25 Mac 2012 di Auditorium, PNM yang telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Maglin Dennis D' Cruz, Timbalan Menteri KPKK. Program ini merupakan program yang menyokong industri buku negara serta penulis-penulis tempatan terutama dari kalangan penulis Tamil dalam mempromosikan pembacaan.

Yayasan Pembangunan Buku Negara

PNM telah bekerjasama dengan Yayasan Pembangunan Buku Negara dalam menganjurkan *International Book Conference and Book Expo 1Malaysia 2012* yang bertemakan *'Reading for Life'* pada 1 hingga 6 Februari 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Penyertaan PNM melalui program seperti ini merupakan landasan yang terbaik untuk mempromosikan program galakan membaca secara berterusan dan transformasi minda masyarakat membaca sepanjang hayat.

Peringkat Antarabangsa

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang memimpin dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan kepeustakawanan di seluruh dunia. IFLA juga merupakan platform bagi menyuarakan idea dan pandangan ahli dalam bidang kepeustakawanan dan profesional maklumat di peringkat antarabangsa. Sebanyak 150 buah negara dengan keahlian 1,600 ahli telah menganggotai IFLA.

PNM menjadi ahli pertubuhan antarabangsa IFLA sejak tahun 1970 dan menyertai persidangan setiap tahun. Persidangan *IFLA World Library and Information Congress : 78th General Conference and Assembly* pada tahun 2012 diadakan pada 11 – 17 Ogos 2012 di Helsinki, Finland dengan tema “*Libraries Now! - Inspiring, Surprising, Empowering*”.

Conference of Directors of National Libraries (CDNL)

Conference of Directors of National Libraries (CDNL) diadakan setiap tahun sempena Persidangan IFLA. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, YBhg. Dato’ Raslin Abu Bakar adalah ahli CDNL. Laporan negara CDNL Malaysia dimuat naik dalam laman web CDNL.

Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)

Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO) ke-20 telah diadakan pada 28 Mei 2012 di Bali, Indonesia. YBhg. Dato’ Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan Puan Chin Loy Jyoon, Timbalan Pengarah, Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat PNM sebagai urus setia bagi mewakili Malaysia dalam persidangan tersebut. Laporan negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam persidangan ini.

Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai *Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL)* sejak mula ditubuhkan pada tahun 1970. CONSAL merupakan forum di kalangan pustakawan dan ahli profesional dalam bidang berkaitan dari negara Asia Tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek.

Mesyuarat Lembaga Eksekutif CONSAL XV telah diadakan pada 10 Mei 2012 di Bali, Indonesia. YBhg. Dato’ Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM dan YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad, Yang DiPertua Persatuan Pustakawan Malaysia telah mewakili Malaysia dalam mesyuarat tersebut. Laporan negara bagi Malaysia telah dibentangkan dalam mesyuarat ini.

China – ASEAN Cultural Forum & the 7th 10 + 3 Workshops on Cooperation for Cultural Human Resource Development

2012 China – ASEAN Cultural Forum & the 7th 10 + 3 Workshops on Cooperation for Cultural Human Resource Development telah diadakan dari 10 hingga 18 September 2012 di Guangxi, China. YBhg. Dato’ Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah menyampaikan

ucap tama dan membentangkan satu kertas bertajuk “*Document Resources Co-construction and Sharing: National Library of Malaysia*”. Manakala “*The Nanning Initiatives of East Asian National Libraries*” juga dibincangkan dan disokong sepenuhnya oleh semua ahli forum.

Asia Pacific Information Network (APIN)

Penglibatan Perpustakaan Negara Malaysia dalam APIN bermula sejak tahun 1990. PNM telah dilantik sebagai *focal point* aktiviti / program APIN untuk Malaysia.

ASEAN Committee on Culture and Information (ASEAN COCI)

Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (ASEAN COCI) bertujuan untuk menggalakkan kerjasama yang berkesan dalam bidang kebudayaan dan maklumat ke arah meningkatkan persefahaman dan perpaduan di kalangan negara-negara anggota ASEAN dan menggalakkan pembangunan serantau. Perpustakaan Negara Malaysia melalui Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang memainkan peranan aktif dalam mencadangkan kertas projek untuk mendapatkan dana bagi pelaksanaan projek-projek perpustakaan di bawah Tabung Kebudayaan ASEAN COCI. PNM telah membentangkan kertas bertajuk *Digital Library Conference: Towards Regional Cooperation and Collaboration dalam 13th Meeting ASEAN Committee and Information (COCI) Sub Committee on Culture* pada 9 Julai di Kuala Lumpur.

International Standard Book Number (ISBN)



Malaysia telah menyertai program International Standard Book Number (ISBN) sejak tahun 1982. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan Pusat Kebangsaan ISBN bagi Negara ini telah mengeluarkan sebanyak 362,094 ISBN pada tahun 2012.

International Standard Serial Number (ISSN)

Penyertaan Malaysia dalam program International Standard Serial Number (ISSN) telah bermula sejak 1976. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bertanggungjawab untuk mengurus pemberian ISSN bagi judul terbitan bersiri di negara ini. Pada tahun 2012, sebanyak 6,338 ISSN telah dikeluarkan untuk terbitan bersiri di negara ini.

PENERBITAN

- Buletin : Pustaka
- Sekitar Perpustakaan Bil.41/2012
- Sari Pustaka
- Dasar Dan Garis Panduan Pendigitalitan Koleksi Perpustakaan
- Program Pembangunan Sumber Manusia Perpustakaan Negara Malaysia 2013
- Warkah Manuskrip Melayu Bil.2/2012
- Laporan Program Galakan Membaca 2011
- Laporan Tahunan 2011



PENULISAN

Kertas Kerja / Laporan Negara

Chin Loy Jyoon

Digital Library Conference : Towards Regional Cooperation and Collaboration. Kertas kerja ini dibentangkan dalam *13th Meeting ASEAN Committee on Culture and Information (COCI) Sub-Committee on Culture* pada 9 – 12 Julai 2013 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dato' Raslin Abu Bakar

Libraries, Librarians and Librarianship in Malaysia : Past, Present and Future. Kertas ucapan tama ini dibentangkan dalam National Seminar on Libraries : *Past, Present and Future* pada 15 Mac 2012 di Yogyakarta, Indonesia.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

CONSAL Country Report : Malaysia. Kertas laporan negara dibentangkan dalam *2nd Meeting of the CONSAL XV Executive Board* pada 10 Mei 2012 di Bali, Indonesia.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

CDNLAO Country Report : Malaysia. Kertas laporan negara dibentangkan dalam *20th Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNLAO)* pada 28 Mei 2012 di Bali, Indonesia.

Dato' Raslin Abu Bakar dan Chin Loy Jyoon

CDNL Country Report 2012 : Malaysia. Kertas laporan negara ini dimuat naik dalam Laman web *Conference of Directors of National Libraries (CDNL)* pada 13 Ogos 2012 di Helsinki, Finland.

Dato' Raslin Abu Bakar

Library Services and Trend in Malaysia. Kertas kerja ini dibentangkan dalam *OCLC Asia Pacific Regional Council Membership Conference* pada 3 September 2012 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dato' Raslin Abu Bakar, Chin Loy Jyoon dan Nor Obaidah Abidin

Resource Sharing and Cooperation Development of Asian Libraries. Kertas ucapan tama ini dibentangkan dalam *2012 China – Asean Cultural Forum & Workshop on Cooperation for Cultural Human Resource Development* pada 10 – 18 September 2012 di Guangxi, China.

Artikel / Rencana

Dahlan Samad

Collaboration as a strategy to accelerate changes in library development. Artikel diterbitkan dalam *Sekitar Perpustakaan*, (41) : 2012

Ulasan Buku

A Azli Abd Rahim

Pembodek parasit dalam organisasi. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Abdul Jalil Awang

Magika facebook untuk bisnes anda. *SARI PUSTAKA*, (2) : 2012

Anis Mat Saad

Kuasai dunia dengan berfikir. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Azfaradila Zainal Abidin

Hidup ini pilihan. *SARI PUSTAKA*, (1) : 2012

Chuhana @ Suhana Ahmad

Pikat remaja dengan kata-kata. *SARI PUSTAKA*, (1) : 2012

Farah Aliza Abd Aziz

8 rahsia menguruskan badan tanpa 'berdiet' : dari perspektif sains dan sunnah. *SARI PUSTAKA*, (3) : 2012

Ima Eryanty Abdul Manaf

Ulaman di sekeliling anda. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Izwah Taib

Berani kaya : ...untaian kisah pahit manis seorang usahawan. *SARI PUSTAKA*, (3) : 2012

Junaidah Rosliy

Malaysiaku. *SARI PUSTAKA*, (2) : 2012

Lai Sow Woon

Revolusi MLM : tip-tip untuk menjana kekayaan anda dengannya hari ini. *SARI PUSTAKA*, (1) : 2012

Mastura Hussin

Wedding photography : panduan menjadi fotografer perkahwinan. *SARI PUSTAKA*, (2) : 2012

Mohamad Zaki Yusof

Ungku Omar Ahmad : tokoh negara tersohor. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Mohd Afirol Mat Ariffin

Take 5! : ingatan kepada jurujual. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Mohd Ikhmil Firdausz Mohd Hanif

Dulu pencuci kini pengurus. *SARI PUSTAKA*, (4) : 2012

Mohd Izani Che Jaafar

Memahami forex : bagaimana meminimalkan risiko dalam forex.

SARI PUSTAKA, (2) : 2012

Mohd Razali Abu Bakar

Kuasa sukses.

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Muhammad Azizi Muhammad Rani

Agenda Islam dalam transformasi negara.

SARI PUSTAKA, (3) : 2012

Noor Shazila Johari

15 sebab tertutupnya pintu rezeki.

SARI PUSTAKA, (3) : 2012

Noorzaimah Razali

Sudah mantapkah langkahmu?

SARI PUSTAKA, (4) : 2012

Nor Afizah Mafrodi

Ibu bapa bijak, anak mewah : strategi mudah untuk melahirkan anak yang lebih pintar, kaya dan lebih bertanggungjawab.

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Nor Azila Mohd Noor

Mudahnya twitter.

SARI PUSTAKA, (2) : 2012

Nordiana Ahmad Tajuddin

Rancang wang sejak jatuh cinta.

SARI PUSTAKA, (2) : 2012

Norhasliza Mohd Razali

Siapa kita 10 tahun lagi

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Nur Aishah Che Raimi

Rahsia menambat hati pelanggan : ilmu pelaris jualan terbongkar!

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Ramaperbah a/p Chandran

Rahsia kunci kejayaan jualan langsung.

SARI PUSTAKA, (3) : 2012

Ricaldo Geonan Majutin

Chicken soup for the soul : berfikir positif.

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Rosmaini Salehuddin

Pengeluaran benih ikan tilapia.

SARI PUSTAKA, (2) : 2012

Rosmini Ismail

Perubatan semulajadi dari herba.

SARI PUSTAKA, (3) : 2012

Rozlinah Ismail

Master P.I.E.S

SARI PUSTAKA, (1) : 2012

Sharifah Zamrud Syed Abdul Rahman

